

قَتِيقَن تِيْتَه

## PETIKAN TITAH

"MELAYARI internet kerana tugas atau untuk mendapatkan maklumat yang betul, adalah ia satu kerja bermanfa'at. Tetapi jika digunakan sebaliknya, risikonya adalah buruk. Begitu juga melancong, jika tujuannya baik untuk sesuatu yang berfaedah, maka natijahnya adalah baik. Berbeza jika sebaliknya, maka akibatnya, cuma akan membuang masa dan wang sahaja."

- Titah Semasa Majlis Bersama Rakyat Dan Penduduk Negara Brunei Darussalam Yang Berada Di United Kingdom Dan Ireland Bagi Tahun 1438H / 2016M.



**Pelita**  
**BRUNEI**

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

## MANISNYA IMAN

"PEREMPUAN dan laki-laki (yang belum berkahwin) berzina maka sebatlah tiap-tiap seorang daripada keduanya seratus kali sebatan, dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya dalam menjalankan hukum agama Allah jika benar kamu beriman kepada Allah dan Hari Akhirat dan hendaklah pelaksanaan hukuman mereka itu dilaksanakan oleh sekumpulan orang yang beriman."

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nur, ayat 2).

Waktu Sembahyang

IMSAK  
4.36

SUBUH  
4.46

SYURUK  
6.05

DUHA  
6.28

ZUHUR  
12.05

ASAR  
3.25

MAGHRIB  
6.03

ISYAK  
7.13

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 130

29 OKTOBER 2018 / 1440 20 صفر

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

# Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Sultan Kedah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29 di Istana Anak Bukit, Kedah Darul Aman. - Foto : - Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali (Lihat muka 3, 4).

## Tiada sifat Qana'ah punca penyalahgunaan dadah

**JERUDONG**, Ahad, 28 Oktober. - Situasi dadah di Negara Brunei Darussalam masih di dalam keadaan terkawal, namun usaha-usaha sentiasa perlu ditingkatkan dalam menangani isu penyalahgunaan dadah di negara ini yang mana cabaran yang dihadapi adalah berubah dari masa ke semasa.

Isu penyalahgunaan dadah tidak dapat ditangani oleh sesebuah jabatan sahaja dan ianya memerlukan usaha bersepadu dari semua pihak, termasuk agensi-agensi kerajaan, orang ramai, ibu bapa pihak sekolah, Badan Bukan Kerajaan (NGO)

dan pemimpin akar umbi.

Demikian dijelaskan oleh Penolong Pengarah (Pengawasan), Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Saiful Rizal bin Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Omar semasa menjadi ahli panel pada Forum BASMIDA 2018, bertajuk 'Keluarga Sakinah Mewujudkan Masyarakat Bahagia' berlangsung di Parkview Hotel, Jerudong, di sini.

Menurutnya, BKN mengamalkan pendekatan yang komprehensif dan seimbang dalam pembanterasannya penyalahgunaan dadah di Negara Brunei

Darussalam dari strategi, iaitu mengurangkan bekalan dadah dan mengurangkan permintaan dadah.

Sepanjang tiga tahun kebelakangan ini jelasnya, dari tahun 2015-2017, terdapat peningkatan ke atas tangkapan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah, dari 639 tangkapan naik kepada 772 tangkapan pada tahun 2017.

Daripada 772 orang tangkapan pada tahun 2017, 54 peratus adalah tangkapan baharu dan 46 peratus tangkapan berulang.

Beliau berkata, jenis dadah yang disalahgunakan di kalangan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

pengguna dadah di negara ini ialah *Methamphetamine* atau Syabu di mana berdasarkan daripada tangkapan 2017, sebanyak 94

peratus terlibat dengan jenis dadah Syabu.

Ke muka 12

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam  
infodept.bn  
infodept\_bn



سيكتور قترانين، سور فينابليتي بغسان نكار  
"SEKTOR PERTANIAN: SURVIVABILITI BANGSA DAN NEGARA"  
19 - 25 RABIULAWAL 1440H BERSAMAAN 27 NOVEMBER - 3 DISEMBER 2018M

MAJLIS ILMU 2018  
SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI  
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN  
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG  
KE-72 TAHUN

E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

# Hubungan persahabatan Brunei - Turki dihargai



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Turki, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan, kerajaan serta rakyat Republik Turki bersempena dengan Hari Republik negara itu.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 29 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Turki, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip

Erdogan, kerajaan serta rakyat Republik Turki bersempena dengan Hari Republik negara tersebut.

Dalam titah perutusan kepada TYT Recep Tayyip Erdogan, Kebawah DYMM sangat menghargai persahabatan yang rapat lagi mesra yang telah dinikmati oleh kedua-dua buah negara, melalui kerjasama yang aktif di antara rakyat masing-masing dalam

pelbagai bidang dan berharap terus berpeluang memperluaskan perhubungan yang penting ini.

Baginda mengakhiri titah perutusan tahniah tersebut dengan menyampaikan salam muhibah kepada TYT Recep Tayyip Erdogan dan semoga TYT berada dalam kesihatan dan kebahagiaan yang berpanjangan.

Dari Sidang Pengarang.

29 OKTOBER 2018 BERSAMAAN 1440 20 صفر

## BERTANI MENJAMIN MASA DEPAN

**B**ERKERJA sebagai petani di bawah panas terik, bergelumbang dengan tanah dan menghabiskan kebanyakan masa seharian memfokuskan terhadap tanaman, pastinya tidak sanggup ditempuhi ramai orang. Dan ada yang berpendapat kerja-kerja bertani adalah bagi golongan berumur dan berkemahiran rendah sahaja.

Tetapi sebenarnya semua tanggapan tersebut adalah salah, malahan generasi muda, khususnya belia perlu merebut peluang untuk bertani atau mengusahakan bidang pertanian. Mereka seharusnya sedar bahawa bidang pertanian juga menjanjikan pendapatan lumayan sekiranya diusahakan secara serius. Apa yang penting mereka perlu cekal dan gigih berusaha. Kerana kerja sebagai seorang petani memerlukan perancangan yang rapi, usaha dan kesabaran yang tinggi, terutama pada peringkat permulaan yang harus memberikan sepenuh komitmen.

Bidang pertanian secara tradisional memang lebih sinonim dengan golongan masyarakat yang berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan luar bandar, namun pada hari ini kita dapat melihat perubahan dalam bidang ini di mana bidang pertanian berkembang menjadi salah satu bidang yang sangat maju, di samping menjadi agenda di dalam usaha kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara agar tidak hanya bergantung kepada hasil minyak dan gas sahaja.

Pada zaman yang serba mencabar ini, mencari pekerjaan merupakan salah satu persaingan yang perlu dihadapi oleh banyak negara, tidak terkecuali negara kita. Akibatnya, masalah pengangguran menjadi semakin tinggi. Dengan adanya bidang pertanian ini, peluang pekerjaan yang tersedia sedikit sebanyak mampu mengurangkan masalah pengangguran meskipun gaji yang ditawarkan mungkin agak sedikit rendah jika dibandingkan dengan pekerjaan lain. Tetapi sekurang-kurangnya ada untuk diisi oleh masyarakat yang menganggur atau sebagai pekerjaan sampingan sementara menunggu pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan.

Menyentuh mengenai bidang pertanian ini, Majlis Ilmu 2018 yang dijangka akan berlangsung pada akhir bulan November ini nanti akan memfokuskan bidang pertanian sebagai agenda utama dengan tema: 'Sektor Pertanian: Survivabiliti Bangsa dan Negara'. Agenda tersebut amat bersesuaian dipilih berikutan dengan krisis ekonomi dunia yang menyebabkan kenaikan harga makanan. Malahan sektor pertanian telah memainkan peranan yang besar dalam membantu perekonomian sesebuah negara termasuk negara kita.

Melihat kepada peranan bidang pertanian dalam membantu ekonomi negara, para petani kita, khususnya para belia perlu terus peka akan perkembangannya, dan Majlis Ilmu 2018 yang memfokuskan bidang pertanian adalah berfungsi sebagai pembakar semangat, galakan dan dorongan kepada para petani di negara ini agar terus mengusahakan bidang pertanian sebagai mata pencarian.

Perkembangan ekonomi semasa ini juga membuka banyak peluang kepada golongan belia untuk menceburi bidang pertanian berikutan pengeluaran makanan utama seperti beras semakin berkurangan. Dan pada masa yang sama juga permintaan terhadap produk pertanian seperti beras ini tidak pernah berkurangan dan ia bakal menjamin masa depan kepada para petani, khususnya petani moden.

Berikutan bidang ini memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan berkemungkinan wang yang banyak, seseorang itu harus memiliki minat mendalam sebelum bergelar petani moden. Kerana kehadiran teknologi seperti teknik susun-tindih, serta teknologi hidroponik terkini dalam pertanian mampu mengurangkan jurang seperti tidak memerlukan ruang tanah luas mahupun tenaga buruh ramai.

Pertanian pada masyarakat ialah sebagai satu bidang yang menghasilkan pendapatan, sama ada sebagai pendapatan tetap, sampingan dan sebagai aktiviti untuk memenuhi keperluan sendiri. Namun apa yang lebih berharga ialah bidang pertanian yang dijalankan besar-besaran menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Dengan yang demikian, kesimpulannya bahawa perniagaan berasaskan pertanian merupakan bidang yang berpotensi tinggi untuk berjaya dan memulangkan hasil yang sangat lumayan dalam perniagaan ketika ini. Meskipun wujud cabaran dan juga halangan dalam memastikan objektif bidang pertanian sebagai prospek perniagaan yang menguntungkan secara keseluruhannya, banyak bantuan dan sokongan untuk memaksimumkan daya pengeluaran serta merangsang produktiviti sektor ini daripada kerajaan bermula dari berbentuk kredit, teknikal, khidmat nasihat, penyelidikan, pendidikan malah pemberian baja dan pemasaran juga diberikan. Dengan itu para belia perlu merebut peluang yang ada untuk menceburi bidang pertanian, kerana sektor perniagaan yang berasaskan pertanian sangat lumayan dan dapat meningkatkan ekonomi negara, seperti kata pepatah Melayu kita 'berbudi pada tanah' pasti ada hasilnya. - **Ketua Penyuntingan (Zs).**

## Sistem saluran tersekat penyebab banjir kilat

**Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 28 Oktober. - Berikutan kejadian banjir kilat di beberapa kawasan di Daerah Brunei Muara dan Tutong pada Rabu, 23 Oktober 2018, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan memaklumkan bahawa banjir kilat tersebut adalah disebabkan oleh hujan lebat dengan catatan tertinggi stesen turunan hujan jabatan ini iaitu sebanyak 98 milimeter dalam jangka waktu satu jam.

Banjir kilat tersebut telah

menenggelami sebahagian jalan raya utama di Kampung Bunut, Kampung Madewa, Kampung Beribi, Kampung Jangak, STKRJ Katok 'B' dan Kampung Tanjung Bunut di Daerah Brunei Muara.

Manakala di Daerah Tutong, kawasan yang terjejas adalah Kampung Batang Mitus, Kampung Keriam dan RPN Bukit Beruang.

Jabatan ini juga mendapati terdapat faktor lain bagi penyebab berlakunya banjir, antaranya sistem saluran yang kurang kapasiti, keadaan longkang/parit yang tersumbat oleh tanah, pasir dan sampah.

Bagi mengatasi isu ini, JKR mengambil

tindakan dengan berhubung pihak tertentu dan membersihkan longkang dan kalbat yang tersumbat untuk memastikan sistem saluran tidak tersekat.

Untuk jangka masa panjang, pihak JKR akan mengendalikan beberapa projek kawalan banjir di beberapa kawasan yang telah dikenal pasti, yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan RKN.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak jabatan ini melalui Talian Darussalam: 123/Livechat +6738333123, Facebook: Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam dan Email: [pro@pwd.gov.bn](mailto:pro@pwd.gov.bn).

**RAMALAN CUACA 3 HARI**

| ISNIN                                        | SELASA         | RABU           |
|----------------------------------------------|----------------|----------------|
| <b>BANDAR SERI BEGAWAN</b><br>31<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C | 31<br>26<br>°C |
| <b>PEKAN BANGAR</b><br>31<br>25<br>°C        | 31<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C |
| <b>PEKAN TUTONG</b><br>31<br>25<br>°C        | 31<br>26<br>°C | 31<br>25<br>°C |
| <b>KUALA BELAIT</b><br>31<br>25<br>°C        | 31<br>25<br>°C | 31<br>26<br>°C |

Wallahuallam Bismillah Talian Cuaca  
Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam  
[www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn)

Brunei WX App  
114

**WAKTU SEMBAHYANG**

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

| Masihi OKTOBER | HARI   | Hijrah SAFAR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|----------------|--------|--------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 29             | ISNIN  | 20           | 4.36  | 4.46  | 6.05   | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.03    | 7.13  |
| 30             | SELASA | 21           | 4.36  | 4.46  | 6.05   | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.03    | 7.13  |
| 31             | RABU   | 22           | 4.36  | 4.46  | 6.05   | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.02    | 7.13  |
| 1 NOVEMBER     | KHAMIS | 23           | 4.36  | 4.46  | 6.05   | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.02    | 7.13  |
| 2              | JUMAAT | 24           | 4.36  | 4.46  | 6.06   | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.02    | 7.13  |
| 3              | SABTU  | 25           | 4.36  | 4.46  | 6.06   | 6.29 | 12.05 | 3.25 | 6.02    | 7.13  |
| 4              | AHAD   | 26           | 4.36  | 4.46  | 6.06   | 6.29 | 12.05 | 3.25 | 6.02    | 7.13  |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
123

NDMC  
2380214

# Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Sultan Kedah



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,  
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29 di Istana Anak Bukit, Kedah Darul Aman.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga berangkat sama mengiringi ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Keberangkatan tiba Kebawah

DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Anjung Melur, Istana Anak Bukit dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah ibni Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah dan Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda binti Mohamad Ariff, Raja Puan Muda Kedah; Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Abdul Hamid Thani ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Tunku Bendahara Kedah dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri DiRaja Puan Seri Dato' Nora binti Abdullah; Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti Al-Marhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Tunku Temenggong Kedah; Yang Teramat Mulia Dato' Tunku Shazuddin Ariff ibni Sultan Sallehuddin, Tunku Laksamana Kedah serta Menteri Besar Kedah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir dan Yang Amat Berbahagia Tok Puan Norzieta binti Zakaria.

Ke muka 4

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha binti Al-Marhum Tengku Ariff, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman pada Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29 di Istana Anak Bukit, Kedah Darul Aman.

ALOR SETAR, KEDAH, Sabtu, 27 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29 (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri mengabdikan gambar kenangan bersama Kebawah DYMM Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Kebawah DYMM Sultanah Negeri Kedah Darul Aman. Gambar bawah kiri pula, Kebawah DYMM berkenan dijunjung untuk menandatangani sebuah Lembaran Kenangan. Sementara gambar bawah kanan, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama Kebawah DYMM Sultanah Negeri Kedah Darul Aman berkenan berbual mesra.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha binti Al-Marhum Tengku Ariff, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman pada Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29 di Istana Anak Bukit, Kedah Darul Aman.

### Dari muka 3

Sejurus keberangkatan tiba, baginda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung untuk menandatangani sebuah Lembaran Kenangan.

Baginda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda

Raja Isteri seterusnya dijunjung berangkat ke Balai Penghadapan Besar.

Dari Balai Penghadapan Besar, baginda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung berangkat ke Balai Sesi Besar untuk Sesi Bergambar Ramai bersama

Kebawah DYMM Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha binti Al-Marhum Tengku Ariff, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman bersama

kerabat diraja Malaysia dan tetamu-tetamu khas yang lain.

Baginda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berkenan berangkat beredar dari Balairung Seri Besar ke Balai Santapan Besar bersama tetamu khas diraja yang lain.

Lagu "Allah Selamat Sultan" dimainkan sebaik sahaja Kebawah DYMM Sultan Negeri

Kedah Darul Aman dan Kebawah DYMM Sultanah Negeri Kedah Darul Aman serta tetamu diraja berangkat tiba di meja santapan.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan kebudayaan dan nyanyian.

Selesai Majlis Santapan Diraja, baginda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung berangkat beredar ke Balai Penghadapan Besar bersama Kebawah DYMM Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Kebawah DYMM Sultanah Negeri Kedah Darul Aman serta kerabat diraja Malaysia dan tetamu-tetamu khas yang lain sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Kebawah DYMM Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah diputerakan pada 30 April 1942 di Istana Anak Bukit, Alor Setar dan baginda dimasyhurkan sebagai Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29 bagi menggantikan Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang mangkat pada 11 September 2017.



BERANGKAT mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Juga berangkat sama mengiringi ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar (kiri). Sementara gambar bawah kiri, antara kerabat diraja Malaysia yang turut berangkat pada Majlis Persantapan Diraja tersebut. Manakala gambar bawah kanan, kalangan tetamu khas yang hadir pada majlis tersebut.



# Berangkat balik meninggalkan Alor Setar, Kedah



**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Mohd. Sahrizal**  
**Haji Said,**  
**Pg. Amirulnizam**  
**Pg. Haji Mohd. Ali**

Berangkat dan hadir di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar bagi menyampaikan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah ibni Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah dan Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda binti Mohamad Ariff, Raja Puan Muda Kedah; Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Abdul Hamid Thani ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Tunku Bendahara Kedah dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri DiRaja Puan Seri Dato' Nora binti Abdullah; Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti Al-Marhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Tunku Temenggong Kedah; serta Menteri Besar Kedah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir dan Yang Amat Berbahagia Tok Puan Norzieta binti Zakaria.

Turut hadir bagi menyampaikan selamat berangkat ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Mohd. Taha dan Datin.

Baginda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik yang terdiri daripada para anggota Batalion Keenam Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Sebelum menaiki pesawat khas, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Negeri Kedah Darul Aman, Sohibus Samahah Dato' Sheikh Fadzil bin Haji Awang.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat meninggalkan Alor Setar, Kedah Darul Aman selepas menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29. Berangkat dan hadir di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar bagi menyampaikan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah ibni Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah dan Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda binti Mohamad Ariff, Raja Puan Muda Kedah.

**ALOR SETAR, KEDAH,** Sabtu, 27 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat meninggalkan Alor Setar, Kedah Darul Aman selepas menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan

KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (kiri). Sementara gambar bawah kiri, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik. Manakala gambar bawah kanan, Mufti Negeri Kedah Darul Aman, Sohibus Samahah Dato' Sheikh Fadzil bin Haji Awang semasa membacakan Doa Selamat.



# Berangkat tiba di Alor Setar, Kedah Darul Aman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat tiba di Alor Setar, Kedah Darul Aman bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

**ALOR SETAR, KEDAH,** Sabtu, 27 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam



KEBERANGKATAN tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha binti Al-Marhum Tengku Ariff, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

berangkat tiba di Alor Setar, Kedah Darul Aman bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Turut berangkat mengiringi ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar dialu-alukan oleh Kebawah DYMM Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha binti Al-Marhum Tengku Ariff, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman.

Ke muka 7



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah sejeurus berangkat tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar sambil berjalan beriringan bersama Kebawah DYMM Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Sultan Negeri Kedah Darul Aman.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman berkenan melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik yang terdiri daripada para anggota Batalion Keenam Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Negeri Kedah Darul Aman, Sohibus Samahah Dato' Sheikh Fadzil bin Haji Awang.

#### Dari muka 6

Juga berangkat dan hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka

Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah ibni Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah dan Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda binti Mohamad Ariff, Raja Puan Muda Kedah;

Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Abdul Hamid Thani ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Tunku Bendahara Kedah dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri DiRaja Puan Seri Dato' Nora binti Abdullah; Yang

Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti Al-Marhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Tunku Temenggong Kedah; Yang Teramat Mulia Dato' Tunku Shazuddin Ariff ibni Sultan Sallehuddin, Tunku Laksamana Kedah; serta Menteri Besar Kedah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir dan Yang Amat Berbahagia Tok Puan Norzieta binti Zakaria.

Turut hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Mohd. Taha dan Datin.

Baginda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berangkat melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik yang terdiri daripada para anggota Batalion Keenam Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Selepas itu, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Negeri Kedah Darul Aman, Sohibus Samahah Dato' Sheikh Fadzil bin Haji Awang.

Baginda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya dijunjung menaiki kenderaan khas menuju ke sebuah hotel ternama di Alor Setar, tempat persemayaman di sepanjang keberangkatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah sejeurus berangkat tiba di tempat persemayaman sepanjang keberangkatan (kiri). Sementara gambar kanan, berangkat mengiringi Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



TURUT berangkat mengiringi Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

# Berangkat ke Alor Setar, Kedah Darul Aman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama paduka-paduka anakanda baginda berdua menadah tangan ketika Doa Selamat sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima junjung ziarah sejeurus sebelum berangkat ke Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Oleh : Haniza Abdul Latif, Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 27 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Alor Setar, Kedah Darul Aman

bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-29.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Turut berangkat mengiringi ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyebarkan selamat

berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul

Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, serta isteri masing-masing.

Istiadat pertabalan Sultan Kedah yang Ke-29, Kebawah DYMM Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin telah diadakan pada 22 Oktober lalu di Istana Anak Bukit, Kedah Darul Aman, yang mana mencatatkan sejarah bagi rakyat negeri itu kerana ia diadakan selepas 59 tahun.

Istiadat pertabalan sebelum ini diadakan pada 20 Februari 1959, iaitu pertabalan Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Al-Mu'tassimu Billahi Muhibbuddin Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Badlishah sebagai Sultan Kedah Ke-28.



**BERANGKAT** di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



**PADUKA-PADUKA** anakanda Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (kiri). Sementara gambar tengah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; YAM Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah (tengah). Manakala gambar kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz di Istana Nurul Iman.

# Berangkat tiba di Republik Singapura



**KEBERANGKATAN** tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Ng Chee Meng. Berangkat sama ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim (kiri). Sementara gambar kanan, DYTm berkenan menerima junjung ziarah sejour berangkat tiba di Kompleks VIP Lapangan Terbang Antarabangsa Changi. Manakala gambar bawah kiri, DYTm berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai Kedutaan Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura.

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Masri Osman, Hernie Suliana Haji Othman**

**REPUBLIK SINGAPURA,** Ahad, 28 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman selamat berangkat tiba di Republik Singapura.

Berangkat bersama Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; paduka-paduka anakanda DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah. Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin

Al-Haj. Keberangkatan tiba DYTm dan YTM di Kompleks VIP Lapangan Terbang Antarabangsa Changi dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Ng Chee Meng dan isteri, Michelle Ng.

Turut sama menjunjung keberangkatan tiba DYTm dan YTM ialah Pesuruhjaya

Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Haji Awang Saifulbahri bin Haji Awang Mansor.

DYTm dan YTM kemudiannya dijunjung menaiki kenderaan khas menuju ke sebuah hotel terkemuka di Republik Singapura, tempat persemayaman sepanjang keberangkatan.



**YANG** Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama paduka-paduka anakanda DYTm, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah ketika berangkat tiba di Kompleks VIP Lapangan Terbang Antarabangsa Changi (kanan atas). Manakala gambar kiri, Yang Teramat Mulia bersama paduka-paduka anakanda DYTm ketika berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai Kedutaan Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura sejour berangkat tiba di hotel persemayaman. Sementara gambar kanan, berangkat bersama DYTm dan YTM ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj.

# Berangkat Ke Republik Singapura hadiri Program Pemimpin Muda Ke-6



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta paduka-paduka anakanda Duli Yang Teramat Mulia berkenan menadah tangan ketika doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal (kiri). Sementara gambar kanan DYTm berkenan melambaikan tangan sebelum berangkat ke Republik Singapura dan gambar kanan bawah, DYTm dan YTM berkenan menerima junjung ziarah daripada Menteri-menteri Kabinet; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Setiausaha-setiausaha Tetap.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 28 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Republik Singapura.

Keberangkatan DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia ke republik berkenaan adalah bagi menghadiri Program Pemimpin-Pemimpin Muda Kali Ke-6 yang akan diadakan selama lapan hari bermula hari

ini hingga 4 November 2018.

Berangkat bersama DYTm dan YTM ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; paduka-paduka anakanda DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah 'Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah. Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul

Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Hadir ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis DYTm dan YTM ialah Menteri-menteri Kabinet; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Setiausaha-setiausaha Tetap.

Tahun lepas, Negara Brunei Darussalam telah menghoskan program tersebut kali ke-5 dan dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura dan Menteri Penyelaras Keselamatan Negara, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan isteri, Puan Chew Poh Yim.



## Kes keganasan rumah tangga melibatkan dadah meningkat



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Majlis Perasmian Forum BASMIDA 2018.

**JERUDONG,** Ahad, 28 Oktober. - Berdasarkan statistik Polis Diraja Brunei, sejumlah 145 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan pada tahun 2017.

Manakala, melihat kepada kes

yang ditangani oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) pada tahun yang sama, sejumlah 31 peratus kes keganasan ini melibatkan penyalahgunaan dadah, iaitu peningkatan sejumlah 10 peratus jika dibandingkan dengan 21 peratus pada tahun 2016.

Semasa berucap pada Majlis Perasmian Forum BASMIDA 2018 di Parkview Hotel Jerudong, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menekankan bahawa tren ini amatlah membimbangkan.

Oleh itu jelas Yang Berhormat, cabaran ini telah dijadikan sebagai salah satu tumpuan bagi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan pada tahun ini dalam mana, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) amat berterima kasih kepada Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) kerana telah memberikan sumbangan dan bantuan yang amat bermakna sebagai Rakan Strategik dan diharap ianya akan berterusan.

"Saya ingin menekankan bahawa sambutan Hari Keluarga Kebangsaan sebenarnya bukannya diraikan pada satu hari sahaja, tetapi ianya seharusnya diraikan sepanjang masa dengan sentiasa menyemai dan meningkatkan rasa kasih sayang di antara ahli keluarga. Di sini saya juga ingin menengahkan perkataan 'cinta,'" ujar Yang Berhormat.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Setentunya tambah Yang Berhormat Menteri, erti kekeluargaan tidak mempunyai makna tanpa perasaan cinta tulen, keimanan yang benar-benar dihayati dan diamalkan antara ahli

keluarga di samping pemupukan akhlak yang baik berlandaskan ajaran Allah Subhanahu Wata'ala agar ketenangan akan dinikmati.

Ke muka 12



SESI forum oleh ahli panel di Forum BASMIDA 2018 yang bertajuk 'Keluarga Sakinah Mewujudkan Masyarakat Bahagia' berlangsung di Parkview Hotel, Jerudong.

# NBD komited tingkatkan pengeluaran gas



**MENTERI** Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien ketika berucap pada mesyuarat tersebut.

**TOKYO, JEPUN, Ahad, 28 Oktober.** - Negara Brunei Darussalam (NBD) tetap komited untuk bekerjasama dengan Pelanggan Liquefied Natural Gas (LNG) sama ada dengan yang sedia ada ataupun baharu termasuk pihak-pihak berkepentingan dan membina kekuatannya sebagai pembekal LNG yang boleh dipercayai dengan menjalankan aktiviti pelaburan utama untuk meningkatkan, memanjangkan dan mengembangkan perniagaan semenjak membekalkan LNG ke Jepun pada tahun 1972.

NBD juga telah memulakan pelbagai pembaharuan dan menaiktaraf projek-projek untuk meningkatkan integriti dan kebolehpercayaan loji, di samping kerjasama rapat dengan rakan kongsi huluan untuk meningkatkan pengeluaran gas

bagi memastikan bekalan *feed* gas yang berpanjangan dan stabil.

Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan ucap tama pada Persidangan Pengeluar-Pengguna LNG 2018 yang dianjurkan oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) Jepun dan Majlis Penyelidikan Tenaga Asia Pasifik (APERC) di Nagoya, Jepun pada 22 Oktober 2018.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Tenaga), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya.

Di luar persidangan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

**Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia)  
dan Perindustrian**

Dr. Awang Haji Mat Suny dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun, Tuan Yang Terutama Hiroshige Seko telah mengadakan pertemuan dua hala.

Kedua-dua menteri menyatakan penghargaan mereka terhadap hubungan panjang antara Brunei Darussalam dan Jepun dalam sektor minyak dan gas, termasuk kerjasama berterusan dalam projek demonstrasi rantai bekalan hidrogen.

Kedua-dua negara juga akan terus meneroka bidang kerjasama baru yang akan membawa manfaat bersama.

Yang Berhormat juga

mengadakan perjumpaan bersama para pelanggan jangka panjang LNG di Jepun, termasuk Japan's Energy for a New Era (JERA) dan Tokyo Gas Co, yang mana ia menyatakan komitmen dan hasrat NBD untuk meneruskan hubungan tersebut melebihi tahun 2023.

Selain itu, menerusi perjumpaan bersama rakan kongsi yang sedia ada dalam sektor tenaga, seperti Taiyo Oil, Chiyoda Corporation dan Institute of Energy Economics, Japan (IEEJ) turut membincangkan peluang yang sedang berjalan dan yang baru ke arah keselamatan tenaga NBD.

## NBD sokong penerokaan tenaga hidrogen sebagai sumber tenaga alternatif

**TOKYO, JEPUN, Ahad, 28 Oktober.** - Mesyuarat Menteri Tenaga Hidrogen secara rasminya telah berlangsung pada 23 Oktober lalu di Tokyo, Jepun yang telah menyatukan 20 negara termasuk Negara Brunei Darussalam bagi menggalakkan kerjasama dalam penyelidikan, pembangunan dan penggunaan teknologi hidrogen dalam kehidupan masyarakat.

Mesyuarat juga berkongsi pandangan mengenai potensi hidrogen sebagai penyumbang utama dalam peralihan tenaga bersih pada masa hadapan serta menjadi komponen penting yang meluas, selamat, mampan dan portfolio tenaga efisien.

Pada acara penting anjuran Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) Jepun tersebut, Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien menyuarakan sokongan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian untuk penerokaan

tenaga hidrogen sebagai sumber tenaga alternatif yang berdaya maju.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Tenaga), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya.

Mesyuarat itu disimpulkan dengan penerimaan Kenyataan Tokyo yang menarik minat negara-negara untuk meneroka kerjasama teknologi, pengharmonian peraturan, kod dan standard, promosi perkongsian maklumat, penyelidikan dan pembangunan bersama antarabangsa, kajian dan penilaian potensi hidrogen di seluruh sektor termasuk potensi untuk mengurangkan pelepasan kedua-dua CO2 dan bahan cemar lain termasuk dalam komunikasi, pendidikan dan jangkaan.

Negara Brunei Darussalam juga mengambil bahagian dalam projek demonstrasi rantai bekalan hidrogen global perintis melalui pengeluaran hidrogen cair dengan kerjasama Jepun.



**MENTERI** Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien (kanan, tengah) dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun, Tuan Yang Terutama Hiroshige Seko telah mengadakan pertemuan dua hala yang di persidangan tersebut.

Projek tersebut akan melibatkan pengeluaran Hidrogen melalui pembaharuan wap gas asli yang dibekalkan dari kolam gas bahan api Brunei LNG.

Ia akan menjadi satu projek demonstrasi selama setahun untuk menguji teknologi Hydrogen Chiyoda SPERA bagi pengangkutan hidrogen dari

Brunei ke Jepun untuk Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny juga menghadiri pertemuan dua hala dengan Naib Menteri Hal Ehwal Alam Sekitar Global, Kementerian Alam

Sekitar, Jepun, Yasuo Takahashi. Antara perkara yang dibincangkan ialah trend perubahan iklim global dan kepentingan strategi dan sistem untuk menangani perubahan landskap.

Kedua-dua pihak berusaha untuk meneroka kerjasama selanjutnya untuk menyokong agenda global untuk tindakan iklim.

## Makmurkan masjid mendapat reda Ilahi



**TIMBALAN** Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (empat, kiri) hadir bersama para jemaah mendengarkan Tazkirah bertajuk Memakmurkan Masjid Mendatangkan Reda Ilahi disampaikan oleh Da'ie Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Andas Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.

**Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 Oktober.** - Masjid adalah ibarat rumah Allah, dan sesungguhnya menghadirkan diri beribadah ke masjid serta mendirikan sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan darjat berbanding

sembahyang secara perseorangan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Da'ie Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Andas Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah semasa menyampaikan Tazkirah Subuh bertajuk Memakmurkan Masjid Mendatangkan Reda Illahi.

"Dengan sembahyang berjemaah juga, kita akan sentiasa mendapat reda Allah Subhanahu Wata'ala dan dijauhkan daripada segala bala atau malapetaka," tambahnya.

Dr. Andas Haji Ismuhadi turut menyeru para jemaah untuk sentiasa melakukan sembahyang fardu lima waktu secara berjemaah, kerana ia adalah merupakan sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam yang terbesar.

Sesi tazkirah tersebut merupakan sebahagian daripada intipati Program Masjidku Makmur, Negara Berkat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin minggu ini yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan sokongan Jabatan Perdana Menteri.

Ia merupakan program mingguan yang mengalu-alukan

jemaah meningkatkan kehadiran bagi memakmurkan masjid dan seterusnya bersama-sama secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah pada awal waktu di masjid.

Selain itu, program ini turut memberikan peluang kepada para pengunjung Bandarku Ceria untuk memulakan langkah dan keceriaan hari mereka dengan meraih keberkatan melalui penyertaan menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff; Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Roslan bin Haji Taja'ah dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

# Dayang Siti Rahmah terima sumbangan Inkubator Telur Ayam

## Kes keganasan rumah tangga melibatkan dadah meningkat

Dari muka 10

Menyentuh kembali kepada tajuk forum ini iaitu 'Keluarga Sakinah Mewujudkan Masyarakat Bahagia', dari akhlak dan perasaan cinta tulen inilah terbinanya keluarga yang sakinah dan kukuh, dan insyaaAllah di sinilah wujudnya masyarakat bahagia," ujarnya.

Oleh itu Yang Berhormat menegaskan usaha untuk membanteras penyalahgunaan dadah di kalangan ahli keluarga amatlah kritikal demi untuk menjamin rasa cinta di antara ahli keluarga dan rumah tangga.

Sepertimana dimaklumi bersama, pergerakan senegara yang bersatu dan inklusif akan memainkan peranan mustahak dalam usaha untuk membanteras jenayah ini.

Yang Berhormat seterusnya menyeru agar usaha bersama ini diteruskan demi untuk mencapai impak yang lebih tinggi dan KKBS akan terus memberikan dukungan dan sokongan kepada usaha yang diungkuhkan oleh persatuan-persatuan seperti BASMIDA termasuk dalam penganjuran forum seperti ini, khususnya kempen-kempen kesedaran, mengongsikan data-data atau apa jua bentuk

kajian, termasuk mempelajari amalan-amalan terbaik di antara satu sama dengan lain.

"InsyaaAllah, usaha kita bersama untuk mencegah atau 'prevention' jenayah penyalahgunaan dadah sebelum ianya terjadi akan tercapai demi untuk menyelamatkan keluarga dan masyarakat dengan melalui pemupukan akhlak dan rasa cinta di antara ahli keluarga.

Ini amat penting kerana kita sama-sama mengetahui bahawa kemantapan atau tidaknya sesebuah keluarga akan memberi kesan kepada kemantapan masyarakat dan negara," tegas Yang Berhormat.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin (tengah) selaku Penghulu Mukim Gadong 'A' menyampaikan sumbangan berupa Inkubator Telur Ayam (*egg incubator*) kepada Dayang Siti Rahmah binti Abdullah (kiri).

Berita dan Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

## Tiada sifat Qana'ah punca penyalahgunaan dadah



YANG Di-Pertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Awang Mohammad Ali menyampaikan ucapan alu-aluan beliau.

Dari muka 1

Pada tahun 2017 tambahnya, sebanyak 788 gram dadah jenis Syabu telah berjaya dirampas oleh BKN.

Sementara itu, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ustaz Muskrisman Safari bin Haji Mustapa yang juga ahli panel forum mengongsikan bahawa antara punca individu itu terlibat dalam penyalahgunaan dadah ialah akibat dari tekanan hidup, masalah hutang dan desakan keluarga.

Menurutnya, apabila tiada sifat Qana'ah iaitu sifat merasa cukup dalam diri kita, maka seseorang itu akan sanggup melakukan apa saja demi mendapatkan sesuatu, contohnya sanggup menggadai maruah diri hanya semata-mata untuk mendapatkan dadah.

"Bila mana seseorang ini sanggup melakukan sesuatu hanya untuk mendapatkan dadah, jadi risikonya sebenarnya bukan hanya kepada dirinya, bahkan kepada keluarganya, sebab itulah perasaan tidak mencukupi yang menyebabkan seseorang itu mencari sesuatu. Dan disebabkan itulah mereka

mengambil jalan mudah iaitu dengan cara menjual atau memakan dadah," ujarnya.

Forum anjuran Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) itu dipengerusikan oleh Timbalan Yang Di-Pertua BASMIDA, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada sesi forum tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluannya, Yang Di-Pertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Awang Mohammad Ali antara lain berkata, asas pembentukan keluarga Islam oleh seorang Muslim / Muslimat yang menghayati ajaran-ajaran Islam memerlukan ilmu dunia dan akhirat yang dipelajari secara formal dan informal.

Asas tersebut, tambahnya, mestilah jelas, kukuh dan mantap yang mana asas-asas ini ialah niat, mempunyai keteguhan iman dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, berpegang kepada syariah, mempunyai

aqidah yang kuat dan keikhlasan kepada Allah serta mempunyai sifat Sakinah, Al-Mawaddah, ar-Rahmah dan Al-Mua'syariah Bil Makruf.

Forum turut diserikan dengan penyampaian ucapama oleh penceramah jemputan dari Malaysia, iaitu Pensyarah Kanan di Universiti Perguruan Sultan Idris, Malaysia, Dr. Sakinah binti Haji Salleh.

Forum BASMIDA 2018 bertemakan 'Keluarga Bahagia Tanpa Penyalahgunaan Dadah' dijayakan bersempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2018.

Ia antara lain bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua masyarakat, dari kalangan ibu bapa khususnya dan ahli komuniti amnya, tentang bahaya ancaman dadah.

Selain itu, sesi perbincangan dan soal jawab pada forum tersebut bertujuan untuk mendedahkan dan meningkatkan pengetahuan para peserta tentang keutamaan kasih sayang bagi membolehkan pencapaian hidup yang sejahtera dan mengelak daripada terjadinya krisis rumah tangga dan perceraian.



SEBAHAGIAN daripada yang menghadiri Forum BASMIDA 2018.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 27 Oktober. - Para peserta Kursus Kumpulan 2 Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMO) anjuran Universiti Teknologi Brunei mengadakan Majlis Pelaksanaan Projek Bantuan Ibu Tunggal yang telah bermula pada 13 Ogos 2018.

Pelaksanaan program tersebut diadakan di rumah penerima program, Dayang Siti Rahmah binti Abdullah di Kampung Katok, Mata-Mata, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sumbangan berupa Inkubator Telur Ayam (*egg incubator*) kepada penerima program berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin selaku Penghulu Mukim Gadong 'A'.

Pelaksanaan program itu juga mendapat perhatian daripada pelbagai pihak yang terdiri daripada pengawal selia dan syarikat-syarikat telekomunikasi di negara ini termasuk Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) dan juga pegawai-pegawai kerajaan.

Dayang Siti Rahmah, 57, menyara seorang anak lelaki yang masih bersekolah dan menetap di rumah yang dibina oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dengan sumbangan peralatan inkubator itu diharap akan membolehkan beliau berdikari menyara kehidupan dengan mendapat sumber telur ayam kampung yang mana proses menetas terjamin tanpa dengan sebarang kerosakan, manakala sumbangan peralatan *hydroponics* itu pula akan membolehkan beliau menanam sayur-sayuran berteknologi rendah menggunakan air tanpa memerlukan kawasan yang luas dan tidak memerlukan kos pemeliharaan yang tinggi serta mudah digunakan.

"Dengan bantuan sumbangan yang diberikan ini, sedikit sebanyak dapat membantu bagi

menambah pendapatan untuk kehidupan yang lebih selesa pada masa akan datang dan saya berjanji akan memanfaatkan sumbangan peralatan *hydroponics* dan *egg incubator* sebaik mungkin," ujarnya semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan tetamu kehormat yang antara lain menjelaskan tujuan projek berkenaan bagi membantu ibu tunggal supaya akan berkemampuan untuk berdiri sendiri dan tidak bergantung sepenuhnya dengan bantuan pihak lain (sama ada kerajaan atau swasta) dan secara tidak langsung akan dapat mengurangkan bebanan kepada kerajaan iaitu dengan memperkasa ekonomi, meningkatkan kesejahteraan sosial dan meningkatkan pelaksanaan penyelidikan dan penyelarasan pembangunan ibu tunggal.

"Adalah menjadi harapan saya agar masyarakat khususnya supaya akan dapat sama-sama memberikan sokongan dan bantuan kepada ibu-ibu tunggal di luar sana yang memerlukan jalan ataupun usaha bagi memperbaiki kesejahteraan kehidupan mereka serta mengembangkan keupayaan mereka untuk berdikari demi mencari rezeki," ujar Yang Berhormat Awang Haji Tahamit.



DAYANG Siti Rahmah binti Abdullah.

# Program Bandarku Ceria terus meriah

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 28 Oktober. - Program Bandarku Ceria merupakan Hari Tanpa Kereta yang diadakan di ibu negara setiap hari Ahad terus meriah dengan kunjungan orang ramai bagi beriadah bersama keluarga di hujung minggu dan melakukan aktiviti berbasikal.

Program itu juga secara tidak langsung menyediakan platform kepada para pengusaha termasuk pengusaha kraf tangan tempatan untuk mencari rezeki dengan mempromosikan jualan produk mereka.

Seorang pengusaha kraf tangan berdasarkan kayu pallet, Dayang Norazlina binti Amin dari Kampung Lambak berkata, beliau

mula mempamerkan dan menjual produk kraf tangan berkualiti berasaskan kayu yang dibuat sendiri oleh suaminya di program tersebut sejak bulan September yang lalu.

"Alhamdulillah, sambutan daripada orang ramai untuk produk ini amat menggalakkan di mana hasil jualan kami meningkat dengan adanya tempahan dari orang ramai," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurutnya, antara produk yang dihasilkan oleh suaminya dari kayu pallet itu adalah termasuk kerusi, meja, almari dan rak kasut di mana produk juga dapat ditempah secara *custom-made* oleh pelanggan.

Sementara itu, Dayang Nur

Safiah binti Abdullah dari Kampung Pengkalan Batu yang menjual barangan kraf tangan beg anyaman berkata, beliau telah menyertai di program Bandarku Ceria sebagai pengusaha sejak setahun yang lalu.

"Sebelum ini, kebanyakan beg anyaman saya ditempah oleh pelanggan dari *online* tetapi pada program ini, saya dapat mempromosikannya kepada orang ramai termasuk para pelancong asing," katanya.

Beliau menambah, beg anyaman tersebut adalah hasil buatan tangannya sendiri yang diusahakan selama empat tahun yang dibantu oleh anaknya.

"Kebaikan beg anyaman ini adalah ianya tahan lasak dan dapat dipakai lebih lama. Ramai juga guru-guru sekolah yang membeli beg anyaman ini bagi membawa barang-barang dan peralatan sekolah," jelasnya.



ANTARA suasana di Bandarku Ceria yang berlangsung di ibu negara.

## Jalan Kecemerlangan - Aset LNG Untuk Masa Hadapan



PENGURUS Kanan Loji Brunei LNG Sdn. Bhd., Awang Haji Mohd. Jaafar bin Haji Awang Bakar semasa memotong riben bersama-sama pegawai kanan dari MLNG dan Badak LNG (kiri). Sementara gambar kanan, para peserta daripada Brunei LNG, Malaysia LNG dan Badak LNG menyertai riadah berjalan kaki.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**JERUDONG,** Ahad, 28 Oktober. - Sukan Kali Ke-10 bertemakan Persidangan LNG Borneo dan 'Jalan Kecemerlangan - Aset LNG

Untuk Masa Hadapan' telah selamat dirasmikan menandakan bermulanya persidangan dan sukan tersebut selama tiga hari.

Majlis perasmian diadakan di Taman Jerudong Park di sini, yang dihoskan oleh Syarikat Brunei LNG (BLNG) dan bermula hari ini hingga 30 Oktober 2018.

Perasmiannya disempurnakan bersama dengan memotong riben berwarna korporat yang disempurnakan oleh Pengurus Kanan Loji Brunei LNG, Awang Haji Mohd. Jaafar bin Haji Awang Bakar; Timbalan Presiden Produksi Badak LNG, Rahmat Safruddin dan Pengurus Am Kanan Malaysia LNG (MLNG), Encik Pandai Othman.

Pada pertemuan kali ini ia telah disertai oleh lebih 100 warga tuan rumah yang diikuti oleh wakil Badak LNG dari Indonesia dan dari Malaysia iaitu MLNG.

Persidangan dan Sukan LNG Borneo telah mula diperkenalkan pada tahun 2007 oleh BLNG dalam mengukuhkan lagi pertalian bersama MLNG dan Badak LNG sekali gus menjadikannya landasan kepada tiga organisasi LNG tersebut, untuk bertukar-tukar pengetahuan dan kemahiran, mengongsikan kaedah terbaik serta meneroka idea-idea baharu dalam bidang teknikal dan tidak teknikal.

Terdahulu, semasa berucap Pengurus Am Kanan Loji, Awang

Haji Mohd. Jaafar bin Haji Awang Bakar menggariskan kepentingan Syarikat-syarikat LNG merapatkan jurang berkaitan dengan peralihan tenaga untuk masa kini dan masa hadapan.

Tambah beliau, perkara utama dalam pertalian persaudaraan ini ialah untuk tetap bersama dan saling berkait rapat bagi menghadapi masa depan bersama-sama.

Tema untuk persidangan tahun ini berkisar mengenai keperluan yang semakin meningkat bagi aset untuk menyesuaikan diri dengan landskap perniagaan yang berubah dan memastikan aset tetap sesuai untuk beroperasi pada masa hadapan. Persidangan juga akan memberi tumpuan kepada elemen-elemen utama seperti Integriti Aset dan Proses Keselamatan, Teknologi Baharu dan Digitalisasi, Kecemerlangan Pengeluaran dan Penambahbaikan Berterusan.

Sementara itu dalam permainan sukan pula para peserta dari ketiga-tiga syarikat akan bersaing dalam empat kategori sukan golf, boling, badminton dan bola sepak.

Di sebelah pagi, turut menyaksikan acara walkathon diikuti dengan sesi zumba beramai-ramai dan diakhiri dengan cabutan bertuah.

**MINDA PEMBACA**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 'Berbudi Kepada Tanah Besar Hasilnya'. Tarikh Tutup : 31 Oktober 2018
- 'Faedah Bekerja Sendiri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 7 November 2018
- 'Imarahkan Masjid Dengan Aktiviti Berkebajikan'. Tarikh Tutup : 14 November 2018

**Terma dan Syarat :**

- Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca,**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

*Menangi*  
**BND75**  
*Setiap Minggu*



## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI  
[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

### PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 81/2018 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan **pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**TARIKH IKLAN: 29 OKTOBER 2018**  
**TARIKH TUTUP: 19 NOVEMBER 2018**

- Kad Pengiraan dan Lesen Memanul
- Sijil-sijil bernilai kelulusan
- Sijil Iklan
- Pergerakan pengiktirafan
- Inklusif Pengajian Swasta

**PENOLONG KANAN SETIAUSAHA**  
**Kumpulan 2**  
Bahagian I  
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perdana Menteri  
**KEKOSONGAN = DUA (02)**

(SILA KLIK GAMBAR INI)

### RALAT

### Search Result

MAKLUMAN PEMBETULAN NAMA JAWATAN MENURUT PERATURAN 38(A) YANG TELAH DIKELUARKAN PADA 27 OKTOBER 2018 DAN TARIKH TUTUP PADA 17 NOVEMBER 2018

**PENOLONG JURUAUDIT AGUNG TINGKAT I**  
**Kumpulan 1/Kumpulan 2**  
Bahagian I  
Jabatan Audit  
Jabatan Perdana Menteri  
**KEKOSONGAN = DUA (02)**

#### UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**HELPLINE:**   
**TALIAN DARUSSALAM 123**



KEMENTERIAN HAL EHWAL  
LUAR NEGERI

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN  
ANTARABANGSA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG  
DI SEKRETARIAT KOMANWEL

**Jawatan kosong :**  
Political Officer - Asia, Europe and Pacific,  
Commonwealth Secretariat

**Permohonan hendaklah dihadapakan kepada :**  
Human Resources, Commonwealth Secretariat

**Tarikh tutup : 7 November 2018**

Untuk maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut, sila layari laman sesawang : <https://thecommonwealth.org/jobs>



KEMENTERIAN HAL EHWAL  
LUAR NEGERI

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN  
ANTARABANGSA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG  
YAYASAN KOMANWEL

**Jawatan kosong :**  
Director General,  
The Commonwealth Foundation

**Permohonan hendaklah dihadapakan kepada :**  
<https://commonwealthfoundation.com/working-for-us/>

**Tarikh tutup : 23 November 2018**

Untuk maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut,  
sila layari laman sesawang :  
<https://commonwealthfoundation.com>



RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

#### NOTIS SEBUT HARGA

**Bayaran Tawaran :**  
BND5.00 (tidak dikembalikan)

(1)  
**TENDER NO. :**

RTB / K / 45 / 18 - 19

**SUPPLY AND DELIVERY DIGITAL  
SINGLE-LENS REFLEX (DSLR)  
CAMERA WITH ACCESSORIES FOR  
ELECTRONIC FIELD PRODUCTION**

**Bayaran Tawaran :**  
BND5.00 (tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu, 21 November 2018  
jam 2.00 Petang

(2)  
**TENDER NO. :**

RTB / K / 47 / 18 - 19

**SUPPLY AND DELIVERY OF  
COMPUTER AND ACCESSORIES  
FOR PROGRAM TV DIVISION, RTB.**

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan

dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

**Kepada :**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Radio Televisyen Brunei  
Jalan Stoney  
Bandar Seri Begawan, BB8610  
Negara Brunei Darussalam.

**Rujukan :**  
RTB / K / 45 / 18 - 19  
**Tarikh Tutup :**  
21 November 2018

atau

**Kepada :**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Radio Televisyen Brunei  
Jalan Stoney  
Bandar Seri Begawan, BB8610  
Negara Brunei Darussalam.

**Rujukan :**  
RTB / K / 47 / 18 - 19  
**Tarikh Tutup :**  
21 November 2018

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui e-mel ke [sebutharga.rtb@rtb.gov.bn](mailto:sebutharga.rtb@rtb.gov.bn) tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.

7. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).

Para penender yang berhajat mengikut tawaran diatas adalah disaran untuk merujuk maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.


**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**BIL. TAWARAN :**  
**UBD / E8 / 006 / 2018**

**KETERANGAN :**  
**TO CONSTRUCT STORAGE AREA AND KITCHEN**  
**FOR SIMPUR HERBAL CAFE, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**BAYARAN DOKUMEN DAN PENTADBIRAN :**  
**BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran & Sebut Harga, Bangunan Pentadbiran Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, BE1410, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam **2.00 Petang** pada **SELASA, 13 NOVEMBER 2018**.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI**  
**JAWATANKUASA TAWARAN TABUNG**  
**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**  
**JALAN TUNGKU LINK, BE1410**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh dari Universiti Brunei Darussalam. Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari [http: www.ubd.edu.bn](http://www.ubd.edu.bn).


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**TAWARAN NO. 3 :**  
**MINDEF / DFA / RC / 139 (4)**  
**MAINTENANCE SERVICES,**  
**REPAIR (MINOR & MAJOR**  
**WORK) AND SUPPLY OF SPARE**  
**PARTS FOR MECHANICAL**  
**HANDLING EQUIPMENT (MHE)**  
**& HEAVY PLANT BRAND**  
**VEHICLE & DIFFERENT TYPE**  
**OF TRAILERS IN SERVICE WITH**  
**THE MINISTRY OF DEFENCE**  
**AND ROYAL BRUNEI**  
**ARMED FORCES**  
**- FIVE (5) YEARS CONTRACT**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND100.00 - TENDER FEE**  
**(tidak dikembalikan)**  
**BND5.00 - e-DOKUMEN**  
**(tidak dikembalikan)**

**TARIKH MULA MENGAMBIL**  
**DOKUMEN TAWARAN :**  
**29 OKTOBER 2018**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
**27 NOVEMBER 2018**  
**(jam 2.00 Petang)**

**SYARAT SYARAT TAWARAN :**  
a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat pada tarikh-tarikh dan waktu seperti yang dinyatakan di atas.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin dan Rabu) bermula seperti

tarikh-tarikh yang dinyatakan di atas.  
b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran**  
**dan mendapatkan borang tawaran :**  
**Isnin dan Rabu**  
**8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi**  
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya juga boleh dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>


**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jalan Mckerron Kuala Belait tidak lewat jam 9.00 Pagi pada **Isnin, 5 November 2018**. Tawaran yang lewat diterima daripada tarikh dan waktu tersebut tidak akan dilayan.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan kenderaan ini, bolehlah diperoleh dari Penguasa Bengkel, Haji Noor Amali bin Haji Latip atau Pengawas Bengkel, Mohammad Amirul Ruzaim bin Haji Metassim, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jalan Lorong Setia Diraja Kuala Belait di nombor talian +673 3347011, +673 2973745 atau +673 8282313 pada waktu bekerja.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan rapi (*sealed*) dan ditulis dengan bilangan tawaran dan keterangan yang berkenaan tanpa menyatakan identiti penawar dan dihantar seperti alamat di para 1 di atas.

4. Borang tawaran bolehlah diperoleh di Bahagian Kemajuan & Kesejahteraan, Aras 2, Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait, Jalan Mckerron Kuala Belait.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

**BILANGAN TAWARAN :**  
**7 / BBS / 7 / 270 / J.5**

**KETERANGAN :**  
**JUALAN SECARA TERBUKA BAGI LIMA (5) BUAH KENDERAAN,**  
**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND10.00**



**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN**  
**SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**SEBUT HARGA 'QUOTATION FOR MAINTENANCE**  
**OF LIBRARY MANAGEMENT SYSTEM FOR TWO (2) YEARS'**

DENGAN hormatnya sukacita dijemput kepada pemborong-pemborong yang berminat untuk menyertai sebut harga yang tersebut di atas dan hendaklah menghantar sebut harga berkenaan tidak lewat pada **Rabu, 14 November 2018, jam 2.00 Petang** ke alamat berikut :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**  
**Tingkat 1**  
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**  
**Jalan Menteri Besar Berakas**  
**Negara Brunei Darussalam**

**Tempat mengambil borang sebut harga :**  
**Kaunter Perpustakaan**  
**Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah**  
**Simpang 175, KM 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha**  
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**  
**Negara Brunei Darussalam.**

**Syarat-syarat sebut harga :**

Pemborong-pemborong, pembekal atau wakil penjual yang ikut serta hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan seperti berikut :

- Sebut Harga hanyalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, pembekal atau wakil penjual mestilah mempunyai lesen yang sah dan berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sahaja dan hendaklah menyertakan Salinan lesen berkenaan bersama dengan sebut harga.

- Sebut Harga ini tidak dipelawa kepada mereka yang berkhidmat dengan kerajaan atau mana-mana syarikat yang ada hubungkait dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti Syarikat Brunei Shell Petroleum; Syarikat Brunei LNG; Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan seumpamanya.

- Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- Bagi pemborong-pemborong, pembekal atau wakil penjual yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran 16 dan 17 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat, Jabatan Peguam Negara, Negara Brunei Darussalam, dan lain-lain sijil yang telah dikeluarkan yang masih sah laku.

- Pemborong, pembekal atau wakil penjual yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini dikehendaklah menyediakan dokumen atau keterangan yang berhubung dengan apa yang ditawarkan.

- Pemborong-pemborong, pembekal atau wakil penjual yang berjaya hendaklah menyediakan barang yang ditawarkan tersebut menurut tempoh perjanjian yang telah ditetapkan.



**JABATAN PENTADBIRAN DAN  
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**TAWARAN  
PERKHIDMATAN KANTIN**

**Sabtu  
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

**BILANGAN TAWARAN :  
MOE / LTK / 46 / 2018 / 2019  
(DABPPA-OKT-2018)**

**KETERANGAN :  
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN  
BAGI IBU PEJABAT KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI  
MUARA, KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM BAGI TEMPOH  
TIGA (3) TAHUN**

**BAYARAN YURAN /  
DOKUMEN TAWARAN :  
BND10.00 [bayaran dokumen tawaran  
tidak dikembalikan]**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :  
6 NOVEMBER 2018  
[tidak lewat jam 2.00 Petang]**

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN  
WANG BAYARAN YURAN /  
DOKUMEN TAWARAN  
Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang**

**SYARAT-SYARAT IKLAN TAWARAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran yuran tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk wang tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua yuran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bone-fide-tender*).
3. Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
4. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar yuran tawaran, di **Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Perbekalan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam**. Sila pastikan resit pembayaran yuran tawaran yang diterima adalah betul.

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN  
WANG BAYARAN YURAN /  
DOKUMEN TAWARAN**

**Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

5. Borang-borang tawaran boleh diperoleh di **Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Perbekalan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam** dengan menyertakan resit pembayaran.
6. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan dan salinan resit bayaran yuran tawaran.
7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis bilangan tawaran, tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan indentiti penender dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
BLOK 'A', TINGKAT 1  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN**

**KEWANGAN DAN PERBEKALAN  
LAPANGAN TERBANG LAMA  
BERAKAS  
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3510  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

8. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN, LEMBAGA TAWARAN KECIL yang terletak di KAUNTER PENYAMBUT TETAMU, PINTU UTAMA LANTAI BAWAH DI ANTARA BLOK 'B' DAN BLOK 'C', KEMENTERIAN PENDIDIKAN, LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, BB3510, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan, II) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.
- Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan dalam Kategori Perkhidmatan [E & P], iaitu P05, E01 dan E03.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar

dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

**Tajuk Tawaran. 1  
TO SUPPLY AND INSTALL  
CONVEYOR BELTS TO VIP X-RAY  
AND PLC 1**

**AME / 2018-2019 / SH-54 / S**

**Tarikh iklan / mengambil dokumen tawaran :  
Bermula 18 Oktober 2018 (Khamis)  
selama dua (2) minggu**

**Tarikh terakhir mengambil  
dokumen tawaran :  
Tidak lewat jam 2.00 Petang  
30 Oktober 2018 (Selasa)**

**Tarikh tutup tawaran :  
Hingga jam 2.00 Petang  
31 Oktober 2018 (Rabu)**

**Kepada :  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Tingkat Bawah, Bahagian Kewangan  
Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam**

Kementerian Perhubungan  
Bandar Seri Begawan, BB2513  
Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam **tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 31 Oktober 2018**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang <http://www.civil-aviation.gov.bn>

5. Bagi tawaran yang dibukakan semula (*Retender*), mana-mana syarikat yang pernah membeli dokumen projek hendaklah membawa bersama resit pembayaran yuran tawaran bagi Tawaran asal semasa waktu-waktu bekerja biasa bagi mendapatkan dokumen *Retender* untuk pertimbangan dikecualikan dari pembayaran yuran kali kedua.

6. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan membayar yuran dokumen sebanyak BND10.00 (*hardcopy*) - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis  
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi  
dan  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi**

7. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

9. Sesi taklimat tawaran (*briefing*) seterusnya lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut :

**Pada : 27 Oktober 2018 (Sabtu)  
Jam : 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi atau  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang**

**Tempat berkumpul :  
Dewan Serbaguna, Bangunan  
Kejuruteraan Dan Pemeliharaan Aset  
(AME)  
Jabatan Penerbangan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN DAERAH TEMBURONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN SEBUT HARGA :  
JDT / S / 23 / 2018**

**SEBUT HARGA PENYEWAAN  
KEDAI NO.8, PEKAN BANGAR  
DAERAH TEMBURONG**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon tempatan (Penduduk Daerah Temburong sahaja) untuk menyewa dan menguruskan Kedai No.8, Pekan

Bangar, Daerah Temburong dengan syarat-syarat berikut :

1. Tawaran adalah untuk **tempoh tiga (3) tahun** mulai dari tarikh perjanjian ditandatangani.

2. Borang keterangan dan spesifikasi sebut harga yang lengkap boleh diperoleh di Bahagian Pentadbiran, Tingkat II, Daerah Temburong sewaktu Pejabat dibuka atau

di Rumah Persinggahan Kerajaan pada bila-bila masa.

3. Tawaran mestilah dimasukkan ke dalam surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan sebarang pengenalan diri pengirim. Di luar sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan jelas dan terang perkataan '**TAWARAN PENYEWAAN KEDAI NO. 8, PEKAN BANGAR, DAERAH TEMBURONG**'.

4. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Aras Bawah, Jabatan Daerah Temburong dan dialamatkan

kepada :

**PENGERUSI  
JAWATANKUASA SEBUT HARGA  
JABATAN DAERAH TEMBURONG  
SEBUT HARGA PENYEWAAN  
KEDAI NO.8, PEKAN BANGAR  
DAERAH TEMBURONG  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Tarikh tutup menghantar sebut harga ialah pada **Sabtu, 10 November 2018, jam 1.45 Petang**. Sebut Harga yang lewat diterima daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

# Terima Sijil Kursus Keberkesanan PK Sesi 1 / 2018



SALAH seorang peserta Kursus Keberkesanan Pengawasan Kejiranan Sesi 1 / 2018 menerima sijil penyertaannya daripada Ketua Urusetia Pesuruhjaya Polis, Timbalan Penguasa Polis, Hamydon bin Ibrahim.

**GADONG**, Sabtu, 27 Oktober. - Seramai 23 peserta yang mengikuti Kursus Keberkesanan Pengawasan Kejiranan (PK) Sesi 1 / 2018 berakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil baru-baru ini bertempat di Pusat Pembelajaran Berterusan Polis, Gadong.

Kursus yang berjalan selama dua hari itu disertai oleh kakitangan kerajaan termasuk pihak swasta dan orang awam yang merupakan ahli-ahli yang berdaftar di bawah Program PK di bawah tadahan Daerah Polis Brunei dan Muara. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan

## Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Sijil Kursus Penyertaan ialah Ketua Urusetia Pesuruhjaya Polis, Timbalan Penguasa Polis, Hamydon bin Ibrahim serta pegawai dan anggota-anggota daripada Unit Perhubungan Awam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) selaku Urusetia PK PPDB.

Sepanjang mengikuti kursus, para peserta diberikan taklimat dan penerangan yang disampaikan oleh pegawai daripada jabatan-jabatan di bawah PPDB bersama pegawai jemputan dari Jabatan Penguam Negara dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Objektif kursus adalah untuk meningkatkan pengetahuan serta pemahaman yang lebih terperinci mengenai tugas sebagai Ahli PK, di samping tindakan-tindakan yang sepatutnya dilakukan apabila menghadapi sebarang kejadian di lapangan berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Dalam pada itu, Kursus PK tersebut juga diharap akan memberikan impak dan sedikit sebanyak menjadi titik tolak kepada pemangkin bagi mencapai hasrat PK dalam membantu mencegah, memberantas dan memerangi jenayah di negara ini.

# Pengawasan Kejiranan adakan Majlis Tahlil



BALAI Polis Pusat, Bandar Seri Begawan (BSB) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersama Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan (PK) Gadong 'A' di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku.

**GADONG**, Sabtu, 27 Oktober. - Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan (BSB) mengadakan Majlis membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersama Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan (PK) Gadong 'A'. Majlis tersebut diadakan pada 25 Oktober lalu di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku.

Hadir bagi menyemarakkan acara tersebut, Ketua-Ketua Kampung yang terdiri daripada Awang Hassan bin Haji Ali (Skim

## Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Tungku Kawasan 1); Haji Awang Ismail bin Haji Rajab (Kampung Tungku / Katok) dan Awang Adanan bin Haji Bagol (STKRJ Tungku Kawasan 2) serta enam ahli-ahli PK kampung.

Mewakili Balai Polis Pusat BSB, Pegawai Menguasa Balai, Penolong Penguasa Polis Haji Md. Noor Fadzil bin Haji

Suhaimin berserta sembilan anggota Balai.

Aktiviti sedemikian merupakan salah satu komponen daripada program PK anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei bertujuan bagi mengeratkan hubungan dan silaturahim dalam membina kepercayaan yang utuh dalam kalangan warga pasukan dan masyarakat setempat.

# PUISI

Hantarkan puisi awda ke [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

## INDAHNYA KHOTBAH INI

\*Seperti makanan terhidang lazat  
Jika diolah penuh daya  
Bukan sahaja memberi nikmat  
Tetapi minda dan jiwa segar  
Membangunkan mata yang kantuk  
Melihat sinar di ufuk  
Ada cahaya di jendela  
Ramah dan mesra

\*Sewajarnya wadah ini bermakna  
Memberikan nilai yang berharga  
Untuk dikutip butirannya dilembahan  
Yang tidak bakal kering airnya  
Mengalir sentiasa menghilang dahaga  
  
\*Wadah ini sebenarnya anugerah  
Kepada agama ini berurat berdarah  
Bergerak berinformasi berisi bervisi  
Biar berwajah berlidah berbicara  
Mengungkapkan kebenaran yang tiada selainnya.

\*Indahnya khotbah mengusir resah  
Resah dari kejahilan menutup arah  
Hilang resah demi sinar cerah  
Malam purnama di bumi tumpah

\*Di sini para jamaah menyambutnya  
Dengan ghairah dan merenung asyik  
Air tenang di tasik  
Cerminan bayang hari esuk  
Bukan menjadi kaca yang remuk

\*Wadah ini biar semarak  
Biar harum membangkitkan keinginan  
Untuk berladang di bumi gersang  
Tanamlah sebiji benih nantinya rindang  
Berteduh musafir ke jalan pulang  
Pulang yang panjang

\*Dengannya umat bergerak ke hadapan  
Membawa harapan yang ditiupkan  
Membohol cinta manis generasi  
Cetusan perasaan dan fikiran  
Menuju matlamat di kejauhan

\*Dengannya semakin dekat para 'abid  
Menenal hakikat diri dan khaliq  
Menenal hakikat diri dan insan  
Maka semakin mereka bertaqwa  
Semakin subur cintanya  
Demi wadah yang sempurna

\*Adalah kekuatan itu  
Bukannya senjata semata  
Bukannya pendekar di gelanggang ujian semata  
Tapi jua tekad dan keazaman  
Untuk bangun dan menang  
Dalam pertarungan yang menuntut  
Keberanian dan lidah petah  
Kerana tanpanya umat akan lemah  
Tanpa kobaran semangat juang  
Semangat itu di sini diasuh  
Dalam semua hayat seluruh  
Paksinya agama dan bicara utuh

**OLEH : P.H. MOHAMMAD  
ABD. RAHMAN**

# Daerah Polis Tutong kendalikan sekatan jalan raya

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TUTONG**, Sabtu, 27 Oktober. - Seramai 10 orang anggota Balai Polis Lamunin, Daerah Polis Tutong telah menjalankan Operasi Sekatan Jalan Raya di kawasan Jalan Bukit, Lamunin, Tutong pada 25 Oktober lalu.

Mengetuai operasi tersebut, Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Lamunin, Inspektor Percubaan Ak. Muhd. Waie bin Pg. Abdullah Sani.

Sebanyak tujuh kesalahan kompaun dan dua tindakan peringatan telah dikeluarkan kepada pemandu-pemandu yang telah melanggar Akta Kesalahan Lalu Lintas.

Antara lain kesalahan tersebut iaitu memandu kenderaan yang tidak layak dari segi keselamatan, mengubah suai kenderaan dan tidak membawa bersama lesen memandu.

Operasi sekatan yang sama turut dikendalikan oleh Balai Polis Tutong pada 24 Oktober yang

lalu.

Seramai 15 anggota yang diketuai oleh Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Tutong, Inspektor Percubaan Abdul Hakim bin Haji Mohd. Salleh dijalankan di kawasan lebuhraya Muara/Tutong.

Daripada operasi tersebut, sebanyak enam belas kesalahan kompaun telah dikeluarkan, empat tindakan peringatan dan 11 pemeriksaan (*Stop & Search*) telah dijalankan.

Kesalahan-kesalahan yang telah didapati adalah lesen memandu yang telah mansuh, tidak mempunyai lesen memandu yang sah, mengubah suai kenderaan dan memasang pelekat plastik filem.

Pasukan Polis Diraja Brunei akan sentiasa berterusan mengadakan operasi sedemikian yang bermatlamat untuk memastikan pengguna-pengguna jalan raya akan sentiasa patuh pada undang-undang jalan raya,



ANTARA anggota polis yang bertugas semasa Operasi Sekatan Jalan Raya di kawasan Jalan Bukit, Lamunin, Tutong.

di samping berusaha untuk mengurangkan kadar kemalangan lalu lintas yang mungkin sahaja berpunca daripada kecuaiannya pemandu itu sendiri.

## Curi 11 set televisyen : Empat pengawal keselamatan dijatuhi hukuman

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 27 Oktober. - Balai Polis Berakas, Daerah Polis Brunei Muara berjaya menahan empat orang pengawal keselamatan dan dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan atas tuduhan mencuri.

Hasil daripada siasatan yang dijalankan mendapati kesemua tertuduh terlibat dalam melakukan curi ke atas 11 set televisyen jenis Narutron dan jenis Sharp milik Aman Hills Property Management, Kampung Sungai Tilog, Jalan Muara.

Siasatan juga mendapati empat daripada 11 televisyen yang dicuri berjaya dirampas kembali, manakala tujuh daripadanya belum

lagi ditemui. Di samping itu, seorang suspek masih lagi dalam pencarian kerana dipercayai terlibat dengan kegiatan curi tersebut.

Kesemua tertuduh merupakan warganegara tempatan dan mengaku bersalah atas kesalahan di bawah seksyen 381 (pengkhidmat mencuri harta milik tuannya) dan dibaca bersama seksyen 34 (Perbuatan yang dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama) Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22.

Pihak Mahkamah menjatuhkan hukuman ke atas kesemua tertuduh: Khalifuddin bin Mohammad Yusof, berumur 20

tahun dijatuhkan hukuman selama 18 bulan penjara; Zulkhairuddin Haji Ibrahim, berumur 42 tahun dijatuhkan hukuman selama lapan bulan penjara; Mohammad Shahrin bin Haji Johari, berumur 43 tahun dijatuhkan hukuman selama 10 bulan penjara; Hamdi bin Haji Mohammad, berumur 32 tahun dijatuhkan hukuman selama lapan bulan penjara.

Kesemua hukuman bermula pada tarikh 24 Oktober 2018.

Pasukan Polis akan berusaha menjalankan siasatan dan seterusnya mengambil tindakan pada setiap kegiatan jenayah yang dilakukan untuk dihidangkan ke muka pengadilan bagi dijalankan perbicaraan serta hukuman ke atas kesalahan yang dilakukan.

## Sebahagian jalan Lebuhraya Lumut - Belait ditutup mulai 28 Oktober

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 27 Oktober. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sebahagian Lebuhraya Lumut - Belait yang bermula pada Ahad, 28 Oktober, jam 10.00 pagi.

Sehubungan itu, separuh jalan berkembar akan ditutup di empat buah jambatan di kilometer 30, 32, 21 dan 14 dari Kuala Belait di Lebuhraya Lumut - Belait (hala Tutong).

Penutupan separuh jalan berkenaan adalah bagi membolehkan kerja-kerja menaik

taraf jambatan berkenaan dapat dilaksanakan, di mana ia dijangka mengambil masa tiga bulan.

Dengan ini, JKR, Kementerian Pembangunan ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya agar sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook : 'Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam' dan e-mel : [pro@pwd.gov.bn](mailto:pro@pwd.gov.bn).



HAMDI bin Haji Mohammad, berumur 32 tahun dijatuhkan hukuman selama lapan bulan penjara.



ZULKHAIRUDDIN Haji Ibrahim, berumur 42 tahun dijatuhkan hukuman selama lapan bulan penjara.



MOHAMMAD Shahrin bin Haji Johari, berumur 43 tahun dijatuhkan hukuman selama 10 bulan penjara.



KHALIFUDDIN bin Mohammad Yusof, berumur 20 tahun dijatuhkan hukuman selama 18 bulan penjara.



# LENZA

*Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?*

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :

1) 'Konvokesyen' - Tarikh Tutup : 10 November 2018

2) 'Makanan' - Tarikh Tutup : 24 November 2018

3) 'Famili' - Tarikh Tutup : 8 Disember 2018

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.





## عملكن فنجكان كسلامتن

تفسير:

توهن كاموله يغ ملايركن اتوق كامو كافل ٢ دلاوت سفاي كامو دافه منجاري سهاكين درقد ليهقه كورنيا (رزقي). سسغكوهن دي مها فغاسيه كفد سموا.

دالم سام ٢ منحاك كسلامتن سموا ففكونا يغ منفجكن فغاغكوتن اير سباكي سومر رزقي دان اكسيبي فرليكونومين، ملك برهاكي اوسها تله قون دجالنكن اوله كراجان كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يغ دفرتوان نكارا بروني دارالسلام باكي مستيكن فغاغكوتن اير دافه دكوناكن دغن سلامة دان لنجر، دسقيغ ايت، فرأتورن ٢ جوك تله قون دسدياكن اوله فيهي ٢ يغ بركفتنيغن دالم ايندوسري ماريشم اتوق سام ٢ منحاكين كسلامتن سموا ملالوغي فماتوهن سفاي فغاوسها، فتموغيغ دان سموا ففكونا فغاغكوتن اير سلامة درقد سبارغ فركارا يغ تيدق دايغيغي.

فرلو ذايغه، كجواين دان كاللاين سرت كاغكانن اتوق ممتوهي فراتورن كيك براد دفرايرن بوكن هاك مغعبيكن كروسكن دان كروكين هرتا بندا تباي جوك اكن ملييكن كجدران دان كهيلغن پاوا مسلمين يغ درحمتي الله،

فارا فغاوسها فغاغكوتن اير دسارنكن اتوق مغيكوت فراتورن ٢ يغ تله دتفكن سفرت فرليسين دان فندفزان سرت ممستيكن فتموغيغ ٢ مغيكوناكن جيكي (JAKET) كسلامتن قد ستيغ ماس اقبيل براد داتس بوت، دسقيغ ايت جوك، سموا فغاوسها دان فتموغيغ فغاغكوتن اير هندقله مغممكن دان مبودياكن فميجان دعاء باكي موهون رحمة دان كورنيا فملهاران الله سبحانه وتعالى.

باكي ففمودي بوت ٢، اداله دسارنكن اكر ستياس ممدو بوت مريك مغيكوتن حد لاجو يغ سلامة دان ستياس ممتوهي فراتورن دان فرمولون فيهي ٢ بركواس بركان دغن كادان جواجا سفرت كادان اوميق دان لاي ٢ فرمولون يغ دكوغسيكن، اداله منحاكي تفكوغحواب فارا فغاوسها بوت اتوق ساليغ منحاك كسجهزان دان كسلامتن فتموغيغ ٢ دان مشاركة دسكيليلغن.

سباكي اومة اسلام، كيت هندقله ستياس ايغه كفد الله سبحانه وتعالى دان بردعاه موهون فرتولوغن كفدان دان برذكر قد ستيغ ماس، كادان دان فمت. كيك كلوار رومه جوك كيت دانجوركن مياج دعاء دان موهون فرليندوغن الله سبحانه وتعالى درقد سبارغ بهيا دان كجاهين مانسي، جن دان شيطان، انتارا عمال ٢ رسول الله صلى الله عليه وسلم سيلوم كلوار رومه اياه مياج سورة الفاتحة، آية الكرسي دان سورة القريش.

بكندا جوك مغممكن مياج دعاء كلوار رومه، ياي:

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

ارتين:

دغن نام الله اكو برتوكل كفدان دان تباد داي سرت اوفاي كجواي دغن كاذن الله.

مسلمين يغ درحمتي الله،

سلاين درقد دعاء رسول الله صلى الله عليه وسلم تردافه جوك دعاء يغ دشجكن اوله ني نوح عليه السلام كيك متايقي بهزا دلاوت. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة هود آية ٤١:

أَحْمَدُ لِلَّهِ تَحْمَدُهُ وَتَسْتَعِينُهُ وَتَسْتَغْفِرُهُ وَتَتُوبُ إِلَيْهِ، وَتَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا ضَلِيلَ لَهُ، وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى هَذَا الرَّسُولِ الْعَظِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ:

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،  
أَوْصِيَكُم وَإِيَّاي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

{ سورة آل عمران آية : ١٠٢ }

مسلمين يغ درحمتي الله،

برتقوي له كيت كفد الله سبحانه وتعالى دغن ستر-ستر تقوي، سسغكوهن اورغ يغ فاليج مليا دسيبي الله سبحانه وتعالى اياه اورغ يغ فاليج برتقوي، مدهمدهن كيت منحاكي انسان يغ ستياس مغايغاتي الله سبحانه وتعالى دان ملقسانكن سكل سوروهن دان منيكلكن سكل لارغن. دغن يغ دمكين، كيت براوله كجيان دان كسلامتن دنيا سرت داخوة.

مسلمين يغ درحمتي الله،

الحمد لله، كيت برشكور كحضرة الله سبحانه وتعالى كران دغن رحمة دان اذنين جوا، نكارا كيت منعمي كعممورن دان كماجوان سهيغك دغن كراجان دافه مدياكن فليباكي فراسارنا دان كمودهن اتوق رعية دان فندودي دنكارا اين سفرت حال ٢ راي، كمودهن فترين داودارا دان كمودهن فغاغكوتن اير.

كمودهن فغاغكوتن اير مغاميل فرانن يغ ساعة فتنغ دالم فرهووغن سفرت ككونان فرقرن مانسي بكرج، منجاري رزقي، مقرأوليهي علم ففنهوان، منحاك اكسيبي فرليكونومين دان سباكين. الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة الإسرا آية ٦٦:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

رَبُّكُمْ الَّذِي يُزِي لَكُمْ الْفُلْكَ فِي الْبَحْرِ لِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ

إِنَّهُ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٦٦﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقَالَ أَزْكِبُوا فِيهَا بِسْمِ اللَّهِ حَمَلَهَا وَمُزْسَهَا إِنَّ نَبِيَّ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٦٦﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

دان ني نوح بركات (كفد فشيكون-فشيكون يغ برلمان): "نايكله كامو سكالين كلالن (بهزا) دغن مبيوت نام الله كيك برلاير دان برلاوهن، سسغكوهن توهنكو اداله مها فتمون لايي مها فغاسيه.

كيك ني نوح عليه السلام هندق تورون دري بهزان، الله سبحانه وتعالى مويتهكن بكندا اتوق بردعاه موهون اكر دتفكن دتفه يغ فوه بركة. اينله دعاء ني نوح عليه السلام كيك هندق تورون دري بهزا. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة المؤمنون آية ٢٩:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقُلْ رَبِّ أُنْزِلْ مُزْلًا مُبَارَكًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ ﴿٦٦﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

دان (كيك ائكو تورون دري بهزا ايت) بردعاه له: يا توهنكو! تمفكله اكو دتفه يغ بركة دان ائكو اداله سبايك-بايك فمري تمقه.

اخيرن، سام ٢له كيت عملكن صفة مغاوممكن كسلامتن سرت صفة برسوفن ستنون، حرمة-مقهرمي دان برهاتي ٢ كيك مياكي ففغكوتن سفرت بوت اتو فراهو. دسقيغ ايت، جاغلته كيت لوفاف كفد الله سبحانه وتعالى قد ستيغ ماس، تمقه دان كادان دغن مغممكن مياج دعاء دان ذكر.

مدهمدهن دغن اوسها، إختيار يغ سدمكن كيت دهيديري درقد فركارا ٢ يغ تيدق دايغيغي دان ستياس يراد دالم فرليندوغن دان رحمة الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَلَمْ تَرَ أَنَّ الْفُلْكَ تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِرِجْمَتِ اللَّهِ لِيُبَيِّنَ لَكُمْ ءَايَاتِهِ

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿٦٦﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

{ سورة لقمان آية : ٣١ }

تفسير:

تيدقه ائكو مرهاتين بهزا كافل ٢ (يغ كامو كوناكن سباكي فغاغكوتن) بلاير دلاوت اداله دغن نعمة الله اتوق مفرلهكن كفد كامو سهاكين درقد تنداد ٢ ككواسنن. سسغكوهن قد يغ دمكين ايت بر ٢ تردافه تنداد (ككواسنن الله) باكي ستيغ اورغ يغ فابر لايي باي برشكور.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ قَبْلَ قُرُورِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِالْحَاجَةِ النَّائِينَ.

# Penyelidikan bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka : Menjayakan Wawasan Brunei 2035



DEWAN Bahasa dan Pustaka Brunei yang terletak di Bandar Seri Begawan.

## Pendahuluan

**N**EGARA Brunei Darussalam kini giat melaksanakan pelbagai usaha untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Antara strategi untuk mencapai wawasan tersebut ialah jaminan sosial, iaitu berbentuk identiti keBruneian yang seharusnya ada dalam diri masyarakat di negara ini. Memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-44 Tahun di Daerah Belait pada 21 Julai 1990.

"Dari tiga rangkai kata : 'Melayu Islam Beraja', terdapat unsur atau nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya dari Melayu itu, ialah bahasanya. Siapa pun tidak boleh menyangkal bahawa bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan kita paling efektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti."

Berdasarkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas, bahasa Melayu perlu diberi keutamaan sebagai upaya untuk membentuk identiti keBruneian dalam diri kitani sekali gus meningkatkan jaminan

sosial di negara ini.

Di negara ini, institusi kerajaan yang telah diberikan mandat dalam pemerkasaan dan pendaulatan bahasa dan Sastera Melayu ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). DBP secara berterusan berusaha untuk menerapkan, menyebar, dan mengembangkan serta memartabatkan bahasa Melayu kepada setiap peringkat masyarakat di negara ini dengan melaksanakan pelbagai langkah, seperti menerbitkan kamus, istilah, mengunyahkayahkan aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan, peraduan, kuiz dan sebagainya. DBP juga mengendalikan penyelidikan tinjauan bagi meneroka pemilihan dan penggunaan bahasa Melayu oleh setiap kelompok masyarakat di negara ini.

## Bahasa Melayu Dalam Perkhidmatan Awam

Memandangkan peranan Perkhidmatan Awam yang besar dalam keperluan dan pembangunan negara, Perkhidmatan Awam perlu dijadikan fokus utama untuk memacu ke arah pengembangan, pemerkasaan dan pemartabatan bahasa Melayu. Memetik titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan DBP pada hari Sabtu, 19 Syawal 1432 Hijrah / 17 September

Rencana dan Foto : Sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam dan Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

2011 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

"Maka sehubungan ini, beta menyarankan kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan sektor swasta untuk melaksanakan tindakan-tindakan proaktif bagi melestarikan bahasa Melayu dalam segmen perkhidmatan mereka."

DBP telah mengendalikan satu penyelidikan mengenai penggunaan bahasa Melayu dalam Perkhidmatan Awam yang dilaksanakan pada penghujung tahun 2014 sehingga awal tahun 2015. Penyelidikan ini dilaksanakan antara lain bertujuan untuk mengetahui kedudukan penggunaan dan pemakaian bahasa Melayu dalam kalangan Perkhidmatan Awam yang terdapat di negara ini dan juga untuk mengenal pasti usaha yang dilakukan oleh Perkhidmatan Awam ke arah memartabat dan mendaftarkan bahasa Melayu.

Penyelidikan mencatatkan penggunaan bahasa Melayu dalam persuratan dan penulisan rasmi dalam kedudukan yang baik, iaitu borang (70.3%), catatan minit (77.9%), surat menyurat (75.9%), laporan mesyuarat (73.7%), kertas konsep (64.1%), kertas kajian (61.6%), laporan kerja (70.9%), dan kertas kerja (67.0%). Perkara ini seharusnya diambil perhatian kerana berdasarkan Surat Keliling Kerajaan Brunei No.8/1960 mengenai penggunaan bahasa Melayu dalam urusan persuratan di jabatan-jabatan kerajaan, sepatutnya peraturan dalam kedudukan yang cemerlang.

Hasil penyelidikan juga mendapati Perkhidmatan Awam kurang mendapatkan khidmat nasihat daripada institusi kerajaan yang telah diberikan mandat dalam pengembangan bahasa Melayu. Dalam hal ini, DBP sememangnya telah diberikan mandat dalam menangani setiap permasalahan mengenai bahasa Melayu, seperti yang ditekankan dalam Surat Keliling bil. 22/1981 dan bil.: 5/1983, iaitu untuk menghubungi DBP bagi menangani setiap kesulitan atau kesukaran mengenai bahasa Melayu yang dihadapi oleh jabatan-jabatan.

## Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam

Penyelidikan ini telah dilaksanakan melalui dua fasa, dan fasa ke dua

telah dilaksanakan pada awal tahun 2018 sehingga Mei 2018. Antara objektif penyelidikan ini ialah untuk mendapatkan data yang digunakan sebagai penanda aras untuk menilai penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat di negara ini.

Penyelidikan ini telah menyentuh beberapa perkara antaranya penggunaan bahasa melalui komunikasi dan media massa serta pengetahuan masyarakat terhadap dasar bahasa Melayu. Hasil kajian merumuskan bahawa purata penggunaan bahasa Melayu melalui komunikasi menjadi pilihan 68.5% responden. Bahasa Melayu juga masih mendominasi dan menjadi pilihan utama responden dalam pemilihan bahasa pengantar bahan bacaan dan rancangan radio.

Dasar bahasa Melayu sebagai pengukuhan identiti bangsa turut dititikberatkan, iaitu bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara diketahui oleh purata 98.1% responden. Pemartabatan bahasa Melayu dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan Pindaan 2004 diketahui oleh sebanyak 66.7% responden. Pengetahuan responden mengenai bahasa Melayu yang ditekankan dalam urusan persuratan di jabatan-jabatan kerajaan juga turut dikaji dan hasilnya sebanyak 75.2% responden.

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, penyelidikan yang telah dijalankan oleh DBP bertindak sebagai satu mekanisme dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bahasa Melayu, seterusnya mendukung usaha ke arah pemantapan identiti keBruneian (strategi jaminan sosial) dalam mencapai Wawasan Brunei 2035. Namun begitu, walaupun DBP berperanan penting dalam mengangkat dan mendaftarkan bahasa Melayu, ini tidak bermakna masyarakat boleh berlepas tangan atau sengaja tidak memeduli bahasa yang kita warisi zaman-berzaman ini. Oleh itu, setiap kelompok masyarakat di negara ini seharusnya bergembleng tenaga dalam sama-sama mengutamakan dan menjaga kepentingan bahasa Melayu. Kita semua sebagai rakyat negara ini hendaklah bersatu hati dan memiliki semangat kekitaan dalam mempertahankan bahasa Melayu.



BUKU-buku Siri Penyelidikan Bahasa Melayu terbitan DBP (kiri), manakala gambar kanan, papan tanda yang menunjukkan dasar bahasa Melayu sebagai pengukuhan identiti bangsa turut dititikberatkan, iaitu melalui bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara.



# HPA lambang perpaduan tingkatkan kualiti hidup rakyat dan pembangunan negara



SETIAP lapisan Perkhidmatan Awam berperanan dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dan pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim dengan kerjasama  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Foto : Jabatan Penerangan

**P**ERKHIDMATAN Awam merupakan jentera yang sentiasa memainkan peranan penting dalam menjamin pembangunan berterusan negara, menjaga kebajikan rakyat, menjaga keamanan dan kemakmuran negara di samping menguatkuasakan undang-undang serta berkhidmat kepada masyarakat. Tanpa jentera Perkhidmatan Awam yang kukuh sudah tentu pembangunan sesebuah negara akan sukar untuk dicapai.

## Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-25, Tahun 2018

Setiap tahun negara akan meraikan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) yang melambangkan perpaduan setiap lapisan Perkhidmatan Awam dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dan pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035 di mana pada tahun 2018 ini merupakan kali ke-25 Sambutan HPA diadakan.

Dalam 25 tahun sambutan seumpamanya diadakan, beberapa anugerah telah diperkenankan bagi mengiktiraf dan menghargai agensi kerajaan serta pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang sentiasa memberikan perkhidmatan dan berbakti kepada negara pada tahap yang cemerlang. Dari tahun ke tahun, anugerah-anugerah ini telah melalui pelbagai

transformasi mengikut perubahan semasa.

## Tema

Mulai tahun 2016 hingga 2018, Sambutan HPA bertemakan 'Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif'. Tema tersebut antara lain bermaksud bahawa Transformasi membawa erti responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada keperluan masyarakat. Ia juga termasuk transformasi cara berfikir dan bertindak dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan bagi merealisasikan Wawasan Negara. Selain itu, warga Perkhidmatan Awam juga hendaklah memiliki *attitude of mind* yang kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran-cabaran pentadbiran awam di alaf yang baharu ini.

Kesedaran dan transformasi minda juga perlu bagi setiap warga Perkhidmatan Awam di samping bersikap positif serta komitmen yang tinggi terhadap keperluan menyediakan perkhidmatan yang cemerlang bagi memenuhi kehendak pihak-pihak yang berkepentingan.

## Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21

Dalam merealisasikan hasrat bagi perkembangan kualiti kehidupan rakyat dan pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035 ini, Perkhidmatan Awam mempunyai wawasan agar apa yang

dihasratkan akan mencapai matlamatnya. Untuk menjadikan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang sentiasa membangun dan berusaha dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam dalam persekitaran yang sihat dan selamat di bawah inayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala. Wawasan ini menekankan bahawa Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam tidak akan statik malah akan sentiasa maju dengan mengikut kemampuan, keupayaan sendiri berlandaskan ajaran dan akidah



WARGA Perkhidmatan Awam selaku tulang belakang kepada pelaksanaan dasar negara (atas dan bawah).

Islam yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam persekitaran dan suasana aman, makmur, tenteram di bawah pertolongan, perlindungan dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Wawasan ini juga menekankan bahawa Islam tidak menolak kemajuan malah sentiasa menggalakkannya. Walau bagaimanapun, dalam mengharungi arus kemajuan tersebut janganlah hendaknya kita lupa dan membelakangkan ajaran-ajaran Islam supaya tindakan-tindakan yang diungkayahkan mendapat berkat dari Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat.

## Penutup

Warga Perkhidmatan Awam selaku tulang belakang kepada

pelaksanaan dasar negara memang tidak dinafikan lagi berperanan besar bagi mengujudkan dan mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negara. Bersempena dengan Sambutan HPA Ke-25 Tahun ini marilah kita semua selaku warga Perkhidmatan Awam, tidak kira dalam bidang apa pun yang kita ceburi, bersama-samalah menanai tanggungjawab yang diamanahkan dengan jujur dan ikhlas serta penuh dengan dedikasi, agar kualiti kehidupan rakyat di negara ini terus terjamin. Jauhkanlah diri kita dari sikap penyalahgunaan kuasa, pembaziran, pecah amanah, rasuah ataupun jua sikap-sikap negatif yang boleh mencemarkan nama baik Perkhidmatan Awam.



# Majlis Ilmu platform salurkan ilmu pengetahuan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim  
Foto : Jabatan Penerangan

**S**AMBUTAN Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun terus dimeriahkan dengan berlangsungnya acara penuh bermanfaat dan berinformasi iaitu Majlis Ilmu 2018 yang akan diadakan pada 27 November 2018 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sebagai salah satu acara utama perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM, majlis tersebut diunkayahkan oleh Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu sejak tahun 2004 di mana pada tahun tersebut ia dikenali sebagai Seminar Institusi Masjid.

Sejak majlis ini diadakan, telah banyak ilmu pengetahuan disalurkan dan disumbangkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini ke arah menjadikan warga Negara Brunei Darussalam yang berpengetahuan luas dalam apapun bidang.

Bagi menyalurkan ilmu pengetahuan, pihak Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu menghimpunkan tokoh-tokoh ilmuwan dari dalam dan luar negara bagi membentangkan kertas-kertas kerja dan ceramah dengan tajuk-tajuk yang berhubung kait dengan tema sambutan. Selain itu, majlis juga menyelitkan pameran-pameran yang lebih mesra pengunjung dan setentunya akan menarik minat lebih ramai pengunjung bagi mendapatkan maklumat-maklumat terperinci mengenai bahan-bahan pameran yang dipamerkan.

## Tema

Fokus Majlis Ilmu setiap tahun ditentukan oleh tema yang dipilih bagi tahun berkenaan di mana tahun ini majlis penuh ilmu itu akan menegenahkan sektor perekonomian dengan memfokuskan pada bidang pertanian sebagai agenda utama.

Bagi mengimbas kembali tema-tema yang pernah diguna pakai semasa majlis-majlis terdahulu, berikut adalah rajah tema-tema Majlis Ilmu yang lalu.

| Tahun | Tema                                                                                                                                                                                   |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2004  | Masjid Wadah Kepimpinan Raja                                                                                                                                                           |
| 2005  | Ke Arah Bangsa Terdidik, Profesional dan Berakhlak                                                                                                                                     |
| 2006  | Raja Berdaulat, Negara Berkat, Rakyat Selamat                                                                                                                                          |
| 2007  | Akidah Kukuh Membawa Berkat                                                                                                                                                            |
| 2008  | Menghayati Negara Zikir                                                                                                                                                                |
| *2009 | -                                                                                                                                                                                      |
| 2010  | Tamadun Melayu Bestari                                                                                                                                                                 |
| 2011  | Pendidikan Membentuk Syakhsiah Bangsa                                                                                                                                                  |
| 2012  | Nikmat Kesihatan Asas Kesejahteraan Negara                                                                                                                                             |
| 2013  | Undang-Undang Jenayah Syariah Menjamin Keadilan dan Kesejahteraan Untuk Semua                                                                                                          |
| 2014  | Sains dan Teknologi Pemangkin Pembangunan dan Meningkatkan Kualiti Kehidupan Ummah                                                                                                     |
| 2015  | Wasatiah Asas Kesejahteraan Sejagat                                                                                                                                                    |
| 2016  | Menjana Perhubungan Berkat dan Selamat Pemangkin Kesejahteraan Ummah                                                                                                                   |
| 2017  | Mensyukuri Kepimpinan Terutama Perkhidmatan Ugama Sepanjang 50 Tahun Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam |
| 2018  | Sektor Pertanian : Survivabiliti Bangsa dan Negara                                                                                                                                     |

\*TAHUN 2009, Majlis Ilmu ditiadakan disebabkan wabak Influenza H1N1.



IMBASAN suasana Sambutan Majlis Ilmu yang dahulunya dikenali Seminar Institusi Masjid pada tahun 2004.

## Fokus Majlis Ilmu 2018

Bidang pertanian sememangnya sektor yang diambil berat oleh Kebawah DYMM. Baginda sering kali bertitah memberikan tekanan mengenai sektor yang dapat membantu meningkatkan perekonomian negara itu. Misalnya saja, semasa merasmikan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara 1439 Hijrah bersamaan 2018 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, baginda bertitah menekankan perlunya Negara Brunei Darussalam terus meneroka bidang pertanian dan menangani bidang tersebut hingga berhasil.

"Brunei perlu meneroka bidang yang tidak dapat diabaikan lagi. Pastikan ianya ditangani dengan berkesan sehingga berhasil. Beta sudahpun menyebut berkali-kali bidang pertanian. Bidang ini

sangatlah mendesak untuk digerakkan. Bukan bergerak ikut mood tetapi bergerak demi keperluan. Negara adalah sangat memerlukan. Sudah sampai masanya untuk Brunei berdikari dalam pemakanan khususnya berdaya upaya untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi iaitu beras. Usahakan ia sampai berhasil," titah baginda.

Bagi menyahut titah baginda itu, memanglah bersesuaian Majlis Ilmu 2018 ini memfokuskan bidang pertanian di mana melalui pameran-pameran ataupun perisian-perisian yang telah dirancang

oleh pihak Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018 akan dapat menambahkan lagi pengetahuan warga Brunei akan kepentingan berbakti pada bumi demi kemantapan ekonomi negara.

Apa yang jelas dengan berlangsungnya Majlis Ilmu 2018 itu menandakan mercu tanda kepimpinan intelektualisme Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sebagai wadah bagi menghidangkan ilmu dan maklumat yang berguna kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.



SAMBUTAN Majlis Ilmu diselitkan dengan pameran-pameran yang signifikan dengan tema sambutan.

# Wakili negara ke CAITA 2018, China - ASEAN Rally



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (depan, dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian bendera kepada empat peserta Persatuan Pacuan Empat Roda Brunei Darussalam yang terpilih bagi menyertai China - ASEAN International Touring Assembly 2018 (CAITA 2018) dan China - ASEAN Journalists Rally (China - ASEAN Rally).

**GADONG, Sabtu, 27 Oktober.** - Seramai empat peserta dari Persatuan Pacuan Empat Roda Brunei Darussalam terpilih untuk mewakili Negara Brunei Darussalam bagi menyertai China - ASEAN International Touring Assembly 2018 (CAITA 2018) dan China - ASEAN Journalists Rally (China - ASEAN Rally).

CAITA 2018 dan China - ASEAN Rally yang mempertandingkan beberapa kategori seperti Touring Assembly, Constant Speed Race dan Kart Race tersebut akan menyaksikan rombongan bermula di Lanzhou, China pada 29 Oktober nanti dan seterusnya melalui Viet Nam menuju ke Laos dan Thailand sebelum ke Malaysia dan berakhir di Singapura pada 19 November nanti.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Peserta CAITA 2018 dan China - ASEAN Rally diadakan di Premier Lounge, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian bendera ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Pengiran Haji Mohiddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar ketika ditemu bual selaku Ketua Rombongan menjelaskan, pertandingan tersebut diharap akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim bersama persatuan-persatuan dari luar negara.



PENGIRAN Haji Mohiddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar ketika ditemu bual selaku Ketua Rombongan.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

رياضة عمل هاري  
 فرخدمتن عوام 2018  
**RIADAH AMAL**  
**HARI PERKHIDMATAN AWAM 2018**  
 Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-25

**BERBASIKAL 10KM**  
**FUN WALK / RUN 3.5KM**

MULA DAN TAMAT  
 TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIN  
 AHAD 18 November 2018 JAM 6.15 PAGI

\$15  
 TARIKH TUTUP TAMPAHAN BAJU HPA 30 OKTOBER 2018  
 PEGAWAI FOKAL  
 IPA-7175199/2452223  
 SPA-8162011/8817871/2380460  
 JBS - 8873369/2381905

## Cungkil bakat baharu badminton kalangan penuntut



PRESIDEN Persatuan Badminton Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD), Awang Haji Antin bin Ahad (duduk, empat, kiri) dan Ahli-ahli Eksekutif Persatuan Badminton Kebangsaan NBD bergambar ramai bersama para penerima raket badminton daripada persatuan tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Oktober.** - Seramai 20 Guru Pengawas sukan badminton daripada 20 buah sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan menerima sejumlah 22 raket badminton daripada Persatuan Badminton Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada majlis Penyampaian Peralatan

Sukan Badminton, bertempat di Ibu pejabat Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) di Bandar Seri Begawan.

Raket-raket badminton disampaikan oleh Presiden Persatuan Badminton Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Antin bin Ahad.

Guru-guru Pengawas berkenaan diberi tanggungjawab untuk memulakan skim latihan sukan badminton di sekolah masing-masing untuk mencungkil bakat-bakat baharu dalam kalangan penuntut-penuntut sekolah.

Dalam ucapannya, Awang Haji Antin berharap agar pihak sekolah dapat membantu negara untuk memajukan dan meningkatkan mutu sukan badminton di negara ini dengan menampilkan para pemain muda dalam kalangan

penuntut-penuntut sekolah.

Ujarnya, penuntut-penuntut yang berminat dan dikenal pasti mempunyai kemahiran akan dibimbing seterusnya dengan bantuan para Jurulatih Profesional tempatan dan luar negara.

Persatuan Badminton Kebangsaan jelasnya, akan terus memberi bantuan kemudahan-kemudahan dan peralatan-peralatan sukan badminton yang diperlukan dengan bantuan dan kerjasama daripada syarikat-

syarikat sukan besar yang berjenama seperti Yonex juga dengan bimbingan latihan profesional daripada Persekutuan Badminton Dunia (BWF) dan Badminton Asia Confederation (BAC).

Persatuan Badminton Kebangsaan berjaya melahirkan lebih 200 Guru Pengawas sukan badminton sekolah yang telah lulus Kursus Pendidikan Kejurulatihan Tahap 1, yang diselenggarakan bersama oleh BWF dan BAC.

# Sukan

## INFO SUKAN

PERSATUAN Boling Amatir Sarawak akan mengadakan Kejohanan Boling Sepuluh Pin Antara Bandar-Bandar Asia Ke-32, bertempat di Pusat Boling Megalanes Sarawak pada 29 Oktober hingga 5 November.

Pertandingan yang dipersetujui (sanctioned) oleh Persekutuan Boling Asia dan Kongres Boling Tempin Malaysia tersebut akan disertai oleh kontinjen negara daripada Persatuan Sepuluh Pin Boling Brunei Muara bagi mewakili Bandar Seri Begawan (BSB) secara rasmi.



ePaper Pelita Brunei

# Abu Kadir juara Kejohanan Golf Terbuka Hari Guru



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Juara Keseluruhan Kejohanan Golf Terbuka sempena Hari Guru Ke-28, 2018, Abu Kadir bin Abd. Ghani (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (tengah) ketika hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah Kejohanan Golf Terbuka sempena Hari Guru Ke-28, 2018 yang berlangsung di Kelab Golf Pantai Mentiri.

MENTIRI, Ahad, 28 Oktober. - Abu Kadir bin Abd. Ghani menjuarai keseluruhan Kejohanan Golf Terbuka sempena Hari Guru Ke-28, 2018.

Manakala Kategori VIP dijuarai oleh Dato Paduka Haji Sheikh Adanan bin Sheikh Muhammad diikuti tempat kedua oleh Awang Haji Talip bin Apong sementara Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji

Osman menduduki tempat ketiga.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang yang diadakan di Kelab Golf Pantai Mentiri di sini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, pada Kejohanan Golf yang dikendalikan melalui

Jabatan Pendidikan Kokurikulum itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Sebanyak enam kategori dipertandingkan iaitu Kategori VIP, Kategori Jemputan dan Penaja, Kategori Senior (60 - ke atas), Kategori Division 'A' - bagi handicap 0-12, Kategori Division 'B' - bagi handicap 13-18 dan Kategori 'C' bagi handicap

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

19-24.

Kejohanan berkenaan bertujuan untuk memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-28 dan mengenal pasti pemain di kalangan warga Kementerian Pendidikan dalam acara-acara di peringkat

kementerian, kebangsaan ataupun antarabangsa, di samping untuk meningkatkan tahap disiplin, daya saing dan kesihatan jasmani di kalangan warga Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya melalui sukan.

## Beriadah untuk kesihatan

Berita dan Foto :  
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad 28 Oktober. - Sempena memperingati Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Pembukaan Rasmi



BERJALAN kaki bermula dan berakhir di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Perkhidmatan Hospital Tutong yang mula beroperasi pada 11 Ogos 1998, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) telah mengadakan Cyc-Walk 2018 bertempat di kawasan letak kereta hospital berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif.

Cyc-Walk 2018, 'Beriadah untuk Kesihatan' bertujuan bagi mengeratkan perpaduan, silaturahmi dan persaudaraan serta melahirkan warga yang bergiat aktif dalam aktiviti sukan.

Antara pengisian aktiviti yang dijalankan pada Cyc-Walk berkenaan antaranya ialah Ekspedisi Berbasikal sejauh 15 kilometer (km), 20 km yang bermula dan berakhir di Hospital



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif (tengah) ketika hadir selaku tetamu kehormat pada upacara Cyc-Walk 2018.

PMMPMHAMB; aktiviti berjalan kaki sejauh 4 km juga bermula dan berakhir di hospital tersebut; mengadakan kutipan amal bagi Tabung Kebajikan Perubatan bagi pesakit-pesakit yang berdaftar

di Bahagian Kebajikan Perubatan serta kutipan amal bagi Tabung Derma bagi menaik taraf Surau As-Salam Hospital PMMPMHAMB dan juga cabutan bertuah.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'KELUARGA BAHAGIA TANPA PENYALAHGUNAAN DADAH'

دربیتکن اوله جباتن فترامن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam